

### **Daripada -**

**Daftar No.**

### Tempat

P. 3.25

## Haribulan

## PERKARA

# ADAT PERPATIH

## KERATAN AKHBAR.

OLEH. A. SAMAD IDRIS.

### Kertas Dahulu

## BUTIR-BUTIR MESHUARAT.

RENCANA AKHBAR

ADAT PERPATIH

oleh

TAN SRI A. SAMAD IDRIS

DIKUMPULKAN

oleh

SALIMAH ALI

1988-1989

KANDUNGAN

<u>SIRI</u>	<u>TAJUK</u>		
1	DIANJAK LAYU DICABUT MATI	27	IBARAT MEMAGAR NYIUR CONDONG
2	-	28	PERAHU KARAM SEKERAT
3	PENAKIK PISAU SESERAUT	29	JANJI DIBUAT DIMULIAKAN
4	HIDUP DIKANDUNG ADAT.....	30	SUDAH DAPAT DUA, MAHU.....
5	ADAT YANG DIADATKAN	31	MEMINANG MESTI DARI LELAKI
6	KERA DI HUTAN DISUSUKAN	32	ADA PADI SEMUANYA JADI
7	BERSANDING ADAT HINDU	33	PANTANG ANAK DARA BERTUNANG
8	ADAT ISTIADAT MENJUNJUNG DULI	34	TEMPAT SEMENDA DAN ORANG SEMENDA
9	PESAKA DALAM ADAT PERPATIH	35	DATANG TAK BERJEMPUT PULANG TAK BERHANTAR
10	IBU ADAT MUAFAKAT	36	TUJUAN MENYALANG PERKENALKAN MENANTU
11	-	37	DI MANA BUMI DIPLJAK
12	ADAT BERSENDI HUKUM	38	PERANTAU-PERANTAU MINANGKABAU BERMUKIM
13	TIDAK ADA KUSUT YANG.....	39	BERJINJANG NAIK BERTANGGA TURUN
14	SECUPAK MASAKAN JADI SEGANTANG	40	BULAT ANAKBUAH MENJADIKAN BUAPAK
15	MALAS KELESA TANGGA KEMISKINAN	41	DARI MANA DATANGNYA 'UNDANG'?
16	ALAM TERKEMBANG JADIKAN GURU	42	KATA PUTUS PADA UNDANG
17	PEPATAH PETITIH GUNAKAN UNSUR ALAM	43	UNTUK BEZAKAN EMPAT UNDANG
18	PERKARA SUDAH JANGAN DIBONGKAR	44	IBARAT MEMAGAR NYIUR CONDONG
19	HUTANG SEKELILING PINGGANG	45	TABIAT AYAM JANTANG JADI RENUNGAN
20	ADAT BERSENDI HUKUM	46	PISAU BENGKOK MAKAN SARUNG
21	PEPATAH BERDASARKAN PENGALAMAN	47	AYAM JANTAN YANG NYARING KOKOKNYA
22	BERTONGKAT PISAU SERAUT	48	BODOH TAK BOLEH DIAJAR
23	KAIS PAGI MAKAN PAGI	49	SOAL TANAH YANG PERLU DIPELIHARA
24	SECIUK BAK AYAM	50	HENDAK MELANGKAH KAKI PENDEK
25	HARIMAU BERBULU KAMBING	51	DIANJAK LAYU DICABUT MATI
26	DAGANG LALU DITANAKKAN		BANYAK UDANG BANYAK GARAM.
		SIRI AKHIR	

# Dianjak layu dicabut mati

OLEH kerana banyak kekeliruan yang timbul dan kadang-kadang sengaja diada-adakan untuk jadi bahan perisa bualan mengenai adat perpatih yang terpakai di Negeri Sembilan itu, rasanya ada baiknya saya huraikan dalam tulisan ini secara bersiri pendek untuk pengetahuan dan perhatian umum.

Di akhir-akhir ini kedapatan pelajar-pelajar di pusat pengajian tinggi yang berminat untuk membuat tesis mereka dan mengkaji secara ilmiah mengenainya.

Memang kekeliruan ini boleh timbul bukan saja dari orang-orang luar Negeri Sembilan malah anak-anak Negeri Sembilan sendiripun tidak sedikit



Oleh:

A. Samad Idris

yang tersalah anggap mengenainya.

Saya berkata begitu bukan saja kepada orang lain tetapi kepada diri saya sendiri. Sebelum saya membuat kajian yang agak jauh sedikit mengenainya terutama di zaman-zaman re-

maja dulu, saya juga beranggapan bahawa sistem dan pemakaian adat perpatih yang diamalkan oleh orang-orang tua dulu sudah lapuk dan ketinggalan zaman.

Setelah saya mendalami sedikit dan meninjau secara dekat di tempat asal kelahirannya iaitu Minangkabau, maka tanggapan awal saya mengenainya adalah silap.

Perkara utama yang sering menjadi kekeliruan sejak dulu hingga sekarang ialah mengenai pepatah yang menyebutkan 'biar mati anak jangan mati adat,' 'dianjak layu dicabut mati' dan banyak lagi. InsyaAllah, minggu depan akan saya huraikan secara terperinci mengenainya.

# PENAKIK PISAU SESERAUT

SIRI KETIGA

Oleh:

A. Samad Idris



PEPATAH atau perbilangan adalah menjadi asas dan panduan dalam melaksanakan pentadbiran. Mereka yang memegang teraju adat seperti Buapak, Lembaga dan Penghulu adalah orang-orang yang arif dengan perbilangan ini. Sebelum mereka dilantik menyandang jawatan tersebut ia telah diuji lebih dahulu sebagai satu syarat penting bagi menentukan kelayakan seseorang.

Pepatah ini telah diciptakan oleh orang-orang Minangkabau dahulu adalah berdasarkan pengalaman setelah merenung kejadian alam sekeliling. Cuba amat-amati pepatah yang berupa pantun enam kerat di bawah ini:

Penakik pisau seseraut  
Ambil galah batang lintabung  
Seludang jadikan nyiru  
Setitik jadikan laut  
Sekepal jadikan gunung  
Alam terkenbang jadikan guru

Dalam siri ini saya cuba menggambarkan sedikit sebanyak perkara yang menjadi kontroversi atau kurang kefahaman bagi setengah-setengah orang mengenai apa yang dikatakan 'adat' itu.

Adat sebenarnya dalam pengertiannya yang khusus ialah, "undang-undang." Kalau kita sekarang membuat undang-undang dengan cara bertulis dan diluluskan oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri, tetapi orang-orang tua dulu oleh kerana mereka tidak pandai membaca dan menulis maka adat atau undang-undang itu adalah dihafaz atau dilancar oleh pemuka-pemuka adat tadi. Biasanya ia dibincang dalam satu kerapatan di Balai Rong Seri di istana.

Adat ini terbahagi kepada empat peringkat atau kategori:

1. Adat nan sebenar adat
2. Adat nan teradat
3. Adat nan diadatkan
4. Adat istiadat.

Kekeliruan yang timbul dari setengah pihak mengenainya ialah pentafsiran atau istilah adat itu. Mereka beranggapan yang dikatakan adat itu ialah dalam kategori keempat, iaitu adat istiadat. Semuanya ini berlaku bermula dari kedatangan penjajah Inggeris dulu yang memperkenalkan dan melaksanakan undang-undang yang dipaksakan secara halus maka jadilah adat itu hanya sebagai perhiasan atau terlingkung dalam seni budaya sahaja seperti nikah kahwin, adat di istana, upacara-upacara rasmi dan seumpamanya. Padahal sebelum kedatangan Inggeris pentadbiran negeri-negeri Melayu ini adalah berdasarkan dan peraturan adat ini.

Kalau di Negeri Sembilan pentadbiran negeri menurut adat Pepatih, di negeri-negeri Melayu yang lain menurut sistem adat Temenggong, dari sinilah bermulanya kekeliruan itu. — Bersambung.

# Hidup dikandung adat ...

SIRI KEEMPAT

TENTUNYA ada orang yang akan bertanya apakah pengertian yang sebenarnya yang dikatakan 'adat nan sebenar adat' itu. Sebelum saya menjelaskan secara ringkas ada baiknya kalau saya bawa para pembaca untuk merenung sejenak ke seluruh alam buana yang amat luas ini dari sejak zaman antah-berantah hingga ke zaman moden sekarang, seperti yang kita ketahui setiap negara ada undang - undang dan peraturan dan bentuk pemerintahannya sendiri.

Maka begitulah juga halnya dengan bangsa Melayu, sebelum penjajah Barat mengenalkan undang - undangnya, bangsa kita sendiri telah sedia bertamadun dan mempunyai peraturan hidup bersama-sarakat dan seterusnya bernegara sesuai dengan pepatahnya 'hidup dikandung adat, mati dikandung tanah' ertinya kita sudah mempunyai satu susunan pentadbiran yang lengkap dan khusus sesuai dengan lingkungan alam sekeliling dan za-



Oleh  
A. Samad Idris

mannya.

Maka dari sinilah orang tua - tua kita dulu menciptakan adat ini yang dapat mengikat setiap individu dalam satu kumpulan masyarakat supaya mematuhi setiap peraturan adat, bagi sesiapa yang

melanggar ada pula peraturan dan hukuman yang menentukannya. Begitulah kesedaran dan kecerdikan yang telah se-dia wujud di kalangan nenek - moyang kita bagi mentadbirkan negaranya.

Seperti yang telah saya sebutkan dalam siri yang lalu bahawa yang dikatakan 'adat nan sebenar adat' itu adalah 'undang - undang' maka peraturan adat atau undang - undang inilah yang menjadi panduan dan pegangan bagi pemegang - pemegang terajut adat. Sama keadaannya seperti pemimpin - pemimpin yang memegang teraju negara. Sesiapa saja yang melanggar undang - undang meskipun anak seorang yang memegang adat itu yang melakukannya, maka ia mestilah dihukum seimbang dengan kesalahan yang dilakukannya. Maka di sinilah lahirnya pepatah 'biar mati anak jangan mati adat', 'dianjak layu dicabut mati' itu.

'Biar mati anak' yang dimaksudkan di sini bukan pula bererti segala kesalahan

yang dilakukan mesti dihukum bunuh, kalau ia melakukan jenayah - jenayah kecil seperti mencuri, merompak, bergaduh, menipu dan sebagainya maka hukuman yang dikenakan selaras dan setimpal dengan kesalahannya. Sebaliknya kalau ia membunuh orang maka hukumannya juga setimpal.

Di akhir - akhir ini kita mendengar dan membaca berita anak Presiden Iraq, Saddam Hussein telah melakukan pembunuhan. Ayahnya sebagai Presiden yang memegang teraju pemerintahan tetap bertindak menurut keadilan. Begitulah contohnya dan tamsil ibarat 'biar mati anak, jangan mati adat' itu.

Kalau pembaca sekalian sudah dapat memahami akan erti sebenarnya akan makna adat ini maka terpulanglah kepada penilaian masing - masing, apakah pepatah ini sudah lapuk tidak sesuai lagi di zaman kemajuan ini biarlah tidak usah saya memberi jawapannya.

# ADAT YANG DIADATKAN

YANG dikatakan 'adat yang diadatkan' adalah sesuatu yang telah dibiasakan sebagai resam bagi masyarakat dalam adat Perpatih. Walaupun ia tidak menyamai dan menyerupai seperti 'adat yang sebenar adat' tetapi ia dapat dianggap sebagai sesuatu peraturan yang harus dipatuhi. Begitu juga dengan 'adat yang teradat' tidak begitu jauh perbezaannya dengan 'adat yang diadatkan' itu. Sebagai contoh, dalam pembahagian harta pesaka dan juga pesaka warisan untuk memegang jawatan datuk lembaga, penghulu atau buapak.

Dalam satu suku atau waris katakanlah waris tanah datar ia mengandungi beberapa buah kampung - kampung kecil. Kalau kampung - kampung dalam satu suku itu berjauhan letaknya maka biasanya tiap - tiap kampung dalam suku yang sama hendaklah melantik buapak masing - masing bagi mentadbir anak - anak buahnya, tetapi datuk lembaganya pula hanya seorang saja.

Misalnya katakanlah suku tanah datar ada empat buah kampung maka buapaknya hendaklah 4 orang, tetapi datuk lembaganya hanya seorang saja yang meliputi empat buah kampung tadi. Errinya datuk lembaga inilah yang



Oleh  
A. Samad Idris

memerintah suku - suku tanah datar yang mengandungi empat buah kampung dan empat orang buapak - buapaknya itu.

Biasanya perlantikan datuk lembaga ini pula adalah digilir - gilirkan di antara empat suku

tadi yang dipanggil perut. Perlantikannya dibuat oleh empat orang buapak yang telah dipilih oleh anak - anak buahnya masing - masing begitu juga dalam pembahagian tanah pesaka dan lain - lain harta seumpama binatang ternakan dan lain - lain. Maka segala perlakuan dan peraturan yang dijalankan itu mestilah mengikut garis panduan adat yang disebut 'adat bertentu bilang teratur' adat datar pesaka satu' dan itulah yang dikatakan 'adat yang diadatkan' atau 'adat yang teradat' itu. Banyak lagi contoh - contoh yang lain tetapi dari contoh di atas memadai lah untuk pengetahuan sementara ini.

Di Negeri Sembilan ada 12 suku semuanya. Seperti yang saya sebutkan tadi, Suku Tanah Datar, Batu Hampar, Paya Kumbuh, Seri Lemak Minangkabau, Seri Lemak Pahang, Mungkal, Tiga Batu, Seri Melenggang, Anak Melaka, Anak Aceh, Tiga Nenek dan Biuduanda.

Datuk - datuk penghulu luak adalah ketua yang tertinggi sekali dalam luak masing - masing manakala di bawahnya pula barulah datuk - datuk lembaga yang memerintah suku - suku yang tersebut. Buapak yang dipilih adalah

menguasai anak - anak buahnya.

Oleh kerana suku - suku atau kampung sekarang sudah meluas, anak - anak buahnya ramai dan berjauhan pula, maka datuk lembaga ini tidak lagi memadai seorang dari satu suku, mereka telah dilantik beberapa orang tambahan lagi. Manakala suku beduanya pula adalah suku asal dan terkhusus menerima pesaka datuk undang, suku - suku lain tidak berhak memegang pesaka undang.

Kalau dahulu Undang dipanggil 'penghulu' yang memerintah luak tetapi setelah British masuk mencampuri hal ehwal negeri dan berlaku pula beberapa pertikaian sesama sendiri maka beberapa perubahan telah terjadi. Empat luak iaitu Sungai Ujung, Jelebu, Johol dan Rembau, gelaran penghulu ditukar dengan gelaran 'undang'. Pepatah 'Alam beraja, luak berpenghulu, suku berlembaga, anak buah beribu bapa' adalah penentuan pembahagian kawasan penjagaan dan kuasa masing - masing samalah keadaannya dengan pemerintahan mana - mana negara di dunia ini sekarang, seperti negara kita juga dengan peranan ketua kampung, penghulu mukim, pegawai daerah dan seterusnya Menteri - Menteri Besar dan raja.

# KERA DI HUTAN DISUSUKAN

KATEGORI yang keempat ialah 'adat istiadat'. Saya percaya kita semua telah mengerti dan faham apakah yang dikatakan adat istiadat itu. Orang-orang kita Melayu terkenal dengan budi-baso, beradap tertip, sopan-santun, ramah-tamah menghormati orang lain lebih-lebih lagi tetamu, suka menolong dan berbagai macam lagi kelembutan hati sehingga diciptakan pepatah yang diungkapkan dengan kata-kata budi yang tinggi nilainya. Cuba dalami makna pepatah ini dan bayangkan maksudnya dan apa yang telah berlaku kepada bangsa Melayu dari dulu hingga ke saat ini yang menyentuh berbagai aspek penghidupan: 'Kera di hutan disusukan anak di pangku diletakkan Dagang lalu ditanakkan



Oleh  
A. Samad Idris

dalam keadaan sekarang boleh ditambah satu baris lagi:  
Suami pulang kelaparan'  
Boleh dikatakan adat-istiadat yang kita

warisi sekarang ini kebanyakannya warisan dari adat orang-orang Hindu, semuanya ini adalah terlingkung dalam apa yang disebut 'adat-istiadat' itu.

Sebelum orang Melayu masuk Islam agama yang dianuti oleh nenek moyang kita ialah agama Hindu. Agama Hindu telah dibawa masuk dari India kerana itu banyak kedapatan candi-candi peninggalan sejarah Hindu ini, satu daripadanya yang terkenal ialah Candi Batu Pahat di Lembah Bujang, Kedah.

Setelah agama Islam masuk dan dianuti oleh orang Melayu masih ada di antara adat-istiadat yang kita pakai hingga ke hari ini merupakan unsur-unsur dari kebudayaan Hindu itu yang agak sukar dibuang dengan serta-merta, kerana tabiat yang telah begitu mendalam menjawai hati dan kehidupan seharian bangsa Melayu. Tetapi bagaimana pun yang bertentangan dengan akidah dan hukum-hukum Islam telah pun dibuang dan dipindah.

Pepatah yang menyebutkan:  
'Adat bersendi hukum  
Hukum bersendi kitabullah (Al-Quran)  
Syarak mengata'

Adat menurut'

Adalah menjadi pegangan dan ikutan. Begitupun, ada di antaranya yang kita tidak menyedari sebanyak sedikit dari adat-adat kebiasaan yang berunsur kehinduan ini kita amalkan sehingga hari ini.

Sebagai contoh, di kampung - kampung masih lagi kedapatan orang-orang Melayu yang mengamalkan adat memasang mayang pinang dan pucuk kelapa ketika istiadat mencukur anak. Manakala buah kelapa muda pula digunakan sebagai salah satu acara dalam upacara ini. Anak kecil yang didukung itu dicukur rambutnya oleh tetamu yang hadir dan rambut cukuran itu dimasukkan ke dalam air kelapa muda tadi.

Kalau kita mahu meninjau ke kuil Hindu kedapatan perhiasan yang serupa juga sentiasa tergantung di kuil tersebut. Ini jelas menunjukkan unsur-unsur kehinduan walaupun tidak menyentuh akitah, masih diperaktikkan dalam upacara adat di kampung - kampung.

# Bersanding adat Hindu

BEGITU juga adat bersanding dalam perkahwinan, jelas sekali merupakan adat Hindunya. Ada segolongan kecil di antara anak - anak muda kita sekarang tidak mahu lagi disandingkan. Walaupun ia tidak merupakan sesuatu yang bercanggah dengan hukum - hukum syarak kerana mereka sudah pun diijabkabulkan tetapi anak - anak muda ini beranggapan ia adalah bertentangan dengan hukum agama, dan yang lebih menekan jiwanya mungkin kerana terasa malu.

Satu lagi yang kurang kita sedari ialah tabiat makan sirih dan kemestian dalam adat pinang - meminang, menghormati tetamu dan lain - lain yang berkaitan dengan upacara - upacara yang tidak perlu saya tuliskan di sini kerana kita sudah banyak yang mengetahuinya tentang bagaimana pengaruhnya sirih pinang yang telah meresap dalam seni budaya Melayu. Pantun ini sudah cukup jelas menggambarkan pengaruhnya:

'Makan sirih berpinang tidak  
Pinang datang dari Melaka'



Oleh  
A. Samad Idris

Makan sirih mengenyang tidak  
Itu tanda budi baso'  
Memakai songkok atau kupiah yang menjadi

kemestian bagi orang - orang Melayu dalam upacara - upacara tertentu adalah kita ambil dan tiru dari India yang dibawa bersama - sama dengan agama Hindu ke Asia Tenggara ini. Cuma bentuk - bentuk warna dan bahan - bahan saja yang agak berlainan. Orang - orang India ada yang memakai warna putih dan ada juga dari bulu kambing tetapi songkok orang - orang Melayu umumnya dibuat dari baldu.

Ketika agama Islam berkembang ada di antaranya yang memakai ketayap dan serban menurut cara orang - orang Arab walaupun bentuk lilit serbannya agak berlainan.

Songkok memainkan peranan dalam adat istiadat Melayu. Anak - anak muda yang bertemu dengan orang tua - tua atau menghadiri kenduri kendara di kampung - kampung lebih - lebih lagi dalam upacara beradat dianggap kurang adab kalau tidak memakai songkok lebih - lebih lagi kalau seseorang itu pergi menemui orang - orang

besar seperti datuk - datuk, apa lagi raja - raja, songkok sesuatu yang dimestikan kalau tidak akan adalah orang berbisik bahawa si anu itu kurang adab, begitulah pentingnya songkok dan peranannya dalam budaya Melayu.

Orang - orang Melayu meskipun ada pakaian untuk menutup kepala, kerana kepala bagi orang - orang Melayu adalah sesuatu yang sangat - sangat dimuliakan, orang boleh bergaduh besar kalau ada di antara mereka yang menggomeng kepala seorang lain dengan tidak tentu pasal. Begitulah pentingnya kepala sebagai satu kemuliaan, kerana itu ia seharusnya ditutup. Sebelum menggunakan songkok, orang - orang Melayu melilitkan secebis kain di kepala seperti semuntal bagi orang - orang di Kelantan dan pantai timur Semenanjung. Kalau ia diperindahkan lagi ia dipanggil destar bukan tengkolok (tengkolok tertentu untuk pakaian perempuan) dalam sejarah Melayu dan sejarah Hang Tuah jelas perkataan destar ini digunakan.

**SIRI KETUJUH**

## Adat istiadat menjunjung duli

SATU lagi adat yang ditiru dari Hindu yang masih orang tidak menyedari ialah adat menyembah raja. Adat istiadat menjunjung duli dengan merapatkan kedua belah tangan dan mengangkatnya di dahi adalah merupakan warisan Hindu juga.

Orang tua-tua dulu dalam berkerapatan yang berkaitan dengan adat dan kalau mereka bercakap dengan ketua-ketua adat seperti Buapak, Datuk Lembaga dan Penghulu mereka akan mengangkat tangan dan dirapatkan kedua-dua tapak tangan serta mengangkatnya ke paras dada dengan lafaz 'sembah kepada datuk.'

Oleh kerana menyembah kepada datuk tangan diangkat ke paras dada saja maka dibuat pula satu peraturan bagi membezakan dengan menyembah raja, iaitu kalau raja yang memerintah diangkat hingga ke dahi tetapi kalau putera atau puteri raja saja ia memadai mengangkat hingga ke paras dagu saja.



Oleh  
A. Samad Idris

Begitu juga pakaian warna kuning yang menjadi warna kebesaran raja-raja kita, ia adalah warna dari warisan Hindu dan juga Buddha. Sami-sami Buddha Siam se-

erti yang kita semua maklum semuanya memakai jubah kuning, kerana ia tidak bertentangan dengan hukum - hukum Islam dan menyentuh imam maka amalan ini masih kita pakai hingga sekarang ini.

Adat memayungkan raja waktu raja berangkat keluar dari rumah waktu siang, payung yang berwarna kuning juga merupakan warisan dari adat Hindu.

Adat bertindik telinga dan memakai sumber serta bergelang kaki, memakai gelang tangan, kerongsang bagi wanita, semuanya ini kita tiru dari adat Hindu juga. Cuma orang - orang perempuan Melayu tidak suka bertindik hidung seperti orang - orang India dan ini mungkin kerana sakit atau tidak menarik dan hendak membezakan dengan perempuan India.

Begitulah serba sedikit dan tentunya banyak lagi hal-hal mengenai adat istiadat Melayu seperti duduk bersila, tempat duduk bagi datuk-datuk, makan, minum,

bercakap dengan orang tua-tua, suami isteri, anak dan keluarga, rumah tangga, berjalan dengan keluarga dan lain-lain lagi semuanya ada belaka peraturan tertentu yang terlingkung dalam peraturan adat dan beradat.

Saya fikir cukuplah sekadar itu saya jelaskan dengan serba ringkas mengenai apa yang dikatakan 'adat istiadat' itu. Walaupun para pembaca tidak dapat menyelami jauh ke dasar laut Adat Pepatih itu tetapi cukuplah sekadar menimba di tepian muara saja dulu.

Setelah saudara - saudara mengikuti dari siri satu hingga ke siri ini apakah pada pendapat saudara 'Biar mati anak jangan mati adat' itu perlu ditukar kepada 'Biar mati adat jangan mati anak?' Terserahlah kepada penilaian masing - masing. Bagi saya tetaplah dengan apa yang tersirat dan tersurat itu tidak ada apa cacat cidanya.

— Siri kelapan

## Pesaka dalam Adat Pepatih


SAYA percaya pembaca - pembaca yang berminat telah mengikut sebanyak sedikit mengenai sistem Adat Pepatih ini terutama yang menjadi ajukan bagi setengah - setengah orang 'biar mati anak jangan mati adat' itu.

Dalam siri ini saya persilakan pembaca satu lagi persoalan yang agak menarik terutama teruna dara mengenai dengan pesaka. Pesaka dalam Adat Pepatih ada dua sifatnya.

Satu, pesaka jawatan dan satu lagi pesaka harta. Pesaka jawatan tertentu kepada orang lelaki sahaja (kecuali hal - hal yang agak luar biasa) iaitu menjadi Datuk Penghulu, Datuk Lembaga dan Buapak atau ketua waris.

Pesaka harta pula ialah tanah kampung, dusun dan sawah. Tanah - tanah kebun getah tidak termasuk dalam istilah tanah pesaka kerana ia baru saja dibuka iaitu sesudah penjajah Inggeris memerintah ia bukan diteroka oleh nenek moyang yang asal (kecuali tanah yang telah diwartakan tanah pesaka ditanam getah kepadannya).

Dalam Adat Pepatih tanah pesaka tidak dimiliki secara individu tetapi ia ada-



Oleh  
A. SAMAD IDRIS

lah kepunyaan waris bagi satu - satu suku, dijaga dan dikuasai oleh datuk - datuk lembaganya. Datuk Lembagalah yang berkuasa menentukan pembahagian tanah pesaka ini kepada anak - anak buahnya yang berhak menduduki tanah tersebut.

Tidak ada batu sempadan yang ditanam

dan tidak ada geran milik seperti sekarang. Bagi menentukan kawasan masing - masing, kalau sawah menurut jenjang atau lopaknya, dan kalau tanah kampung ditanam pokok - pokok yang tahan lama seperti durian, rambutan, pokok kelapa dan lain - lain sebagai tanda sempadan. Anak - anak buahnya inilah yang diberikan hak mengerjakan sawah dan kampung ini, di atas tanah kampung inilah juga mereka mendirikan rumah tempat tinggal.

Menurut sistem Adat Pepatih, tanah - tanah pesaka ini ditentukan khusus pada anak perempuan, kerana mereka dianggap insan yang lemah dan semestinya diberikan perlindungan, kerana itu mereka diberikan hak tinggal dan duduk di rumah pesaka yang ada dan rumah - rumah baru yang dibina oleh bapanya, kesemua anak perempuan ini dikhaskan rumah masing - masing tiap - tiap seorang sebuah.

Tidak seperti Adat Temenggung di mana orang lelaki yang membawa isteri balik ke rumahnya. Tetapi dalam Adat Pepatih sebaliknya, orang - orang lelaki yang

### — SIRI KESEMBILAN

datang tinggal di rumah perempuan, ia dipanggil 'orang semenda', saudara lelaki isterinya dipanggil 'tempat semenda'.

Meskipun orang lelaki tidak tinggal di rumah ibu bapanya, bukan pula bererti ia tidak berhak di atas tanah, sawah, buah - buahan dan lain - lain malah dialah yang memberikan kuasa itu kepada suami saudara perempuannya yang dipanggil orang semenda tadi.

Kalau buah - buahan telah masak, seperti durian, langsat, rambutan, kelapa, padi dan lain - lain malah saudara - saudara lelakinya ini akan diberi keutamaan. Itu terpulanglah kepada saudara lelakinya juga kerana buah - buahan yang sama ada di kampung isterinya, biasanya ia mengambil ala kadar saja atau kadang - kadang diserahkan kembali kepada anak - anak buahnya.

Dalam hal tertentu kalau saudara - saudara lelaki ini ingin hendak mengerjakan sawah pesaka ibunya tidak pula dihalang malah digalakkan terutama kalau sawah isterinya agak sedikit, kerana adat sendiri ada mengungkapkan kata - kata 'susah senang sama dirasa, sakit pening sama diubati.'

## IBU ADAT MUAFAKAT

DI sini tidak timbul soal orang lelaki tidak berhak di atas tanah pusakanya. Seperti yang saya sebutkan di atas tadi, orang lelaki juga berusaha di atas tanah isterinya, maka dari pendapatan yang ada mencukupi baginya untuk makan minum dan menyara keluarganya.

Begitulah yang sebenarnya berlaku dalam adat Perpatih ini yang dapat dikategorikan dalam lingkungan 'adat yang diadatkan' atau 'adat yang teradat' itu.

Tetapi disebabkan kedatangan penjajah Inggeris yang telah mengenalkan undang-undangnya termasuk undang-undang pemilikan tanah-tanah, maka sistem pemilikan tanah pusaka telah turut menerima perubahan dan telah mengubah sama sekali hak milik dan warisan pusaka menurut sistem adat Perpatih itu.

Menurut undang-undang Inggeris ini, semua tanah hendaklah ditanam batu sempadan bagi menentukan hak milik seseorang, dikeluarkan geran dan dicatatkan nama pemiliknya dalam geran



OLEH A. SAMAD IDRIS

tersebut.

Oleh kerana yang mendiami tanah pusaka ini orang perempuan, maka dicatatkan nama perempuan dalam geran tersebut. Begitu pun saudara lelakinya ada dicatatkan namanya di belakang geran

tersebut.

Pada awalnya tidak pernah berlaku sebarang kekecohkan dan pertikaian di antara waris-waris yang berhak, tetapi bila manusia sudah berkembang, tanah pusakanya seluasnya itu juga, maka sebagai insan biasa maka perasaan tamak haloba telah timbul.

Walau pun bilangan yang demikian tidak ramai tetapi sudah mencukupi untuk orang-orang yang tidak suka dengan adat Perpatih ini menjadikan modal untuk bertengkar.

Lebih-lebih lagi ada di antaranya yang mempersoalkan dari sudut agama yang digambarkan bahawa dalam pembahagian pusaka menurut adat Perpatih ini bertentangan dengan hukum syarak dan firaid, kerana orang-orang lelaki tidak diberi hak dan milik di atas tanah keupayaan ibu bapanya.

Kalau dipandang sepantas lalu agak nyata dan jelas tentang pembahagian hak tanah pusaka ini tidak menurut hukum firaid

kerana orang lelaki tidak ada nama (cuma di belakang geran saja) dalam geran tanah yang berkenaan.

Meskipun tanah pusaka yang ada tidak seberapa luas dengan penduduk yang telah ramai kalau dibahagi - bahagikan hak tiap-tiap seorang yang boleh mewarisinya mungkin tiap-tiap seorang mendapat beberapa depa saja, kerana itu soal milik tanah pusaka ini tidak lagi menjadi perkara yang boleh membawa pertikaian lagi.

Begitu pun ia masih juga ada yang mempersoalkan perkara ini. Saya fikir ada eloknya kalau pemegang-pemegang adat, iaitu Datuk-Datuk Lembaga, Penghulu, Besar Waris, alim ulama dan lain-lain yang bersangkutan mencari jalan keluar dan menjernihkan yang keruh, mengusaikan yang kusut, kerana adat itu sendiri telah mengungkapkan:

Adat atas tumbuhnya  
Pakat atas buatnya  
Ibu adat itu muafakat

— SIRI SEPULUH

## Adat bersendi hukum

SEPERTI yang saya jelaskan di awal rencana ini dulu bahawa yang dikatakan adat itu adalah undang - undang. Adat atau undang - undang adalah rekaan manusia.

Ia dicipta dan dirangka setelah mengalami berbagai peristiwa dan ragam hidup manusia sesuai dengan kehendak masyarakat semasa, kerana itu ada ungkapan yang jelas disebutkan:

Adat atas tumbuhnya

Pakat atas buatnya

Ibu adat muafakat

Ertinya, adat itu direka menurut keadaan dan tempat dan masanya. Jika tidak sesuai maka ia boleh diubahsuai setelah diadakan kerapatan dan kebulatan, kerana Adat Pepatih ini telah menjadi pegangan hidup orang - orang

Minangkabau sebelum lagi mereka menganut agama Islam, maka telah diciptakan satu pepatah yang disesuaikan



OLEH A. SAMAD IDRIS

dengan pegangan Islam yang berbunyi:-  
Adat bersendi hukum  
Hukum bersendi kitabullah

Syarik mengata  
Adat menurut

Di sini tidak timbul soal yang dikatakan adat yang bertentangan dengan hukum Islam itu terus diamalkan kerana pepatah yang tersebut sudah amat jelas maksudnya.

Begitulah halnya dengan pembahagian hak atau harta di antara suami isteri yang terpaksa berpisah atau bercerai setelah hidup bersama bertahun - tahun.

Pepatahnya ada menyebutkan:

Dapatan tinggal

Carian bagi

Pembawa kembali

Ertinya bila seseorang luar yang datang menyemenda atau berkahwin dalam satu suku yang tertentu, ibu dan bapa mertua akan memberitahu menantunya akan menyerahkan harta yang ada seperti rumah, tanah sawah, tanah kampung, ternakan seperti kerbau, kambing dan

lain - lain untuk diusahakan dan dimajukan.

Jika takdirnya jodoh pertemuan sudah habis maka berlaku perceraian maka harta yang sedia ada itu hendaklah tinggal, begitu juga sebaliknya, kalau menantu membawa hartanya, katakanlah ia membawa seekor kerbau atau kambing, atau barang - barang perhiasan yang hendak diberikan kepada isterinya maka harta yang dibawanya itu akan dibawanya balik kerana itu adalah miliknya.

Manakala harta - harta yang sepencarian bersama setelah perkahwinan katakanlah kerbau seekor yang dibawa atau dapatkan dan telah beranak pinak menjadi beberapa ekor maka anak - anak kerbau itu hendaklah dibahagi - bahagikan sama rata di antara sisuami dan siisteri.

Begitulah juga dengan lain - lain harta seperti padi, kambing dan sebagainya.

— Siri dua belas

# TIDAK ADA KUSUT YANG...

ADAT ini sudah jelas membuktikan keadilan dan kepatutan yang ada dan dapat kita anggap bahawa dalam pembahagian harta pusaka ini adalah sesuatu yang cukup adil sempurna dan munasabah.

Begitupun kalau sekiranya si suami berfikir, oleh kerana anak-anaknya telah ramai maka harta-harta yang dibawa atau pencarian bersama itu ditinggalkan saja untuk anak-anaknya maka terserahlah kepada budi bicaranya. Ia tidak ada pula peraturan adat yang menghalangnya. Biasanya sebelum sebarang perceraian akan berlaku maka pihak mertua akan menjemput Buapaknya dan tempat semenda yang kadim (dekat) manakala si suami pula akan menjelaskan akan sebab-sebab kenapa ia hendak berpisah.

Setelah diadakan kerapatan kecil dan selalunya pihak Buapak atau orang tua-tua akan menasihatkannya terlebih dahulu akan hasrat mereka untuk



OLEH A. SAMAD IDRIS

bercerai itu dilupakan saja kerana dalam perbilangan adat ada menyebutkan 'tidak ada kusut yang tidak boleh diselesaikan,

tidak ada keruh yang tidak boleh dijernihkan' asal saja kedua pihak mahu surut setapak seorang ke belakang. 'Sedangkan lidah lagi tergigit, inikan pula suami isteri.'

Biasanya hal-hal perceraian seumpama ini meskipun ada berlaku tetapi agak jarang terjadi, tetapi sebaliknya kalau kedua-dua pihak berkeras juga sudah tidak ada jalan lain lagi:

Berkerat rotan

Berpatah arang

'Kalau dah putus kain pendukung, anak nak mati, mati juga,' dan terjadi juga perceraian maka peraturan yang diungkapkan dalam pepatah itulah yang biasanya dipakai dan dijalankan.

Ada tuduhan-tuduhan yang menyatakan, kalau orang - orang luar berkahwin dengan wanita Negeri Sembilan, jika berlaku perpisahan maka harta si lelaki akan dikikis habis tinggal sehelai sepinggang.

## — SIRI TIGA BELAS

Mungkin juga hal-hal seumpama ini ada berlaku tetapi ia bukan tertentu dan khusus kepada orang - orang Negeri Sembilan saja.

Ia mungkin juga terjadi di negeri - negeri lain, kerana perlakuan ini banyak bergantung kepada sikap dan perangai seseorang kerana dorongan nafsu tamak dan haloba.

Dalam sistem adat pepatih sudah jelas tersedia adat atau undang - undang dan peraturan yang saksama.

Soal sama ada ia terlaksana dengan adil dan saksama atau sebaliknya, ia bukanlah salah tidak adanya peraturan yang tidak lengkap.

Samalah halnya dengan undang - undang yang sudah wujud dalam satu negara termasuk negara kita sendiri.

Kita tahu tidak sedikit manusia yang melanggar undang - undang walaupun peraturan yang amat lengkap telah disediakan.


# Secupak masakan jadi segantang...

SIRI 14

SEPERTI yang telah saya jelaskan dalam siri yang lalu, bahawa pepatah petitih atau disebut juga dengan "perbilangan" itu adalah merupakan satu 'peraturan' dalam sistem adat pepatih.

Ia menjadi pegangan dan panduan bagi pemegang - pemegang teraju adat dalam menjalankan pentadbiran dan memandu mas, alakutnya ke arah jalan yang lurus dan betul untuk mencapai kemajuan dan kejayaan serta mewujudkan keamanan. Salah satu perbilangan yang disanggah kebenarannya dan mengelirukan kepada setengah pihak sekarang ini ialah 'rezeki secupak takkan jadi segantang.'

Bagi mereka, pepatah ini sudah lapuk dan tidak sesuai lagi dengan peredaran zaman yang serba maju ini. Mereka menganggap, jika pepatah ini dipegang dan dituruti ia akan bererti menjadikan seseorang itu malas dan lemah semangat untuk berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana kepercayaan, rezeki



OLEH A. SAMAD IDRIS

secupak masakan jadi segantang. Sakali imbas atau jika dilihat sepintas lalu adalah benar bahawa pepatah ini sudah lapuk dan tidak sesuai lagi dengan peredaran zaman di mana manusia sudah

menjejak kaki ke bulan dan berbagai macam keajaiban hasil kepandaian dan kepintaran manusia mencipta benda-benda yang tidak masuk di akal penghuni dunia seratus tahun yang lalu. Tetapi apakah benar anggapan demikian? Di bawah ini saya cuba huraikan dengan serba ringkas akan maksud sebenar di sebalik erti dan makna pepatah ini. Sebelum itu cuba fahami dua rangkap pepatah lain yang ada kaitannya.

Berakit-rakit ke hulu  
Berenang-renang ke tepian  
Bersakit-sakit dahulu  
Kalau nak senang kemudian dan  
Kalau tak dipecah ruyung  
Manakan dapat sajunya.

Dalam dua rangkapan pepatah ini sudah cukup membuktikan bahawa dalam sistem adat perpatih itu sama sekali tidak mengajarkan pengikut - pengikutnya menjadi malas atau putus asa malah digalakkan supaya bekerja dan berusaha

bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan.

Agama Islam sendiri dengan jelas telah memberikan petunjuk, bahawa ada tiga perkara di mana manusia itu sendiri tidak akan mengetahuinya lebih awal, melainkan semuanya dalam ilmu Allah S.W.T.

Pertama — jodoh pertemuan  
Kedua — rezeki  
Ketiga — Ajal dan maut.

Seseorang insan itu tidak akan mengetahui sama sekali apa yang akan berlaku atau terjadi pada dirinya, dengan siapa ia akan bertemu jodoh dan bila, sebanyak mana rezeki yang ia perolehi dan berapa tahunkah umurnya dan bila pula ia akan mati.

Jika ada di antara orang-orang yang mendakwa mengetahui akan ketiga-tiga perkara tersebut lebih dahulu maka ia boleh dianggap satu khayalan atau pembohongan saja.

# Malas kelesa tangga kemiskinan

Str 15

SEPERKARA lagi yang harus difahami bahawa, setiap insan di dunia ini dikurniai Allah 'akal', sesuatu yang tidak dikurniakan kepada makhluk lain selain dari manusia.

Setelah berusaha bersungguh-sungguh membanting tulang dengan menggunakan akal fikiran dan ikhtiar maka kita beroleh rezeki sekian-sekian banyak, katakan seorang petani mendapat seribu gantang padi pada tahun itu atau seorang nelayan mendapat sepikul ikan saja dan lain-lain seumpamanya maka barulah datang erti dan makna pepatah ini.

Bukan hanya dengan berpeluk tubuh memangku tangan dan malas bekerja

OLEH A. SAMAD IDRIS


menyerah kepada takdir sambil berdoa dan berharap 'rezeki secupak, secupak juga takkan ia jadi segantang' adalah bertentangan dengan erti dan maksud pepatah ini yang sebenarnya.

Setelah mengetahui duduknya perkara ini, cuba kembalikan ingatan kita akan pepatah yang menjadi perbicaraan kita ini iaitu, 'rezeki secupak takkan jadi segantang' itu.

Apakah ia sudah tidak sesuai lagi dengan zaman kemajuan ini atau kerana kurang kefahaman saja. Tentunya dapat kita-

fikirkan bersama dan mencari jawapannya.

Ada pepatah lain yang berbunyi: Rajin dan usaha tangga kekayaan Malas kelesa tangga kemiskinan. Membuktikan lagi kesahihan pepatah tersebut akan kebenarannya. Kekeliruan pada setengah-setengah orang mengenainya adalah sesuatu yang lumrah kerana mereka memandang secara sepantas lalu dan mendatar di atas saja tidak menyelami jauh ke dasarnya. Saya harapkan dengan penjelasan ringkas ini hendaknya akan menghilangkan kekeliruan bagi setengah-setengah pihak yang meragukannya.



# Alam terkembang jadikan guru

Siri 16

SEPERTI yang telah saya gambarkan dalam siri yang ketiga yang lalu bahawa, orang - orang tua dulu dalam mencipta pepatah adalah berdasarkan alam yang terbentang luas di sekelilingnya adalah menjadi sumber ilham baginya.

Sesungguhnya setiap unsur alam semulajadi yang dicipta oleh Maha Berkusa itu mengandungi erti dan makna bagi seseorang insan yang mahu mempelajari di samping menikmati keindahannya yang tersendiri.

Cuba amat - amati pepatah yang telah saya paparkan dulu sekali lagi supaya dapat kita renungkan bersama sejauh mana kebenarannya. Pepatah ini adalah dasar pokok dari keseluruhan pepatah yang digambarkan 'alam terkembang jadikan guru' itu.

'Alam terkembang' yang dimaksudkannya

adalah meliputi sejuruh penghidupan penghuni dunia dan makhluk sama ada yang bernyawa atau tidak, dari jenis haiwan yang melata, berkaki empat dan berkaki dua, yang ganas, buas, jlnak dan liar, kayu - kayan, rumput - rampai, lautan yang bergelombang dan sungai yang mengalir lesu dan lain - lain lagi yang dapat dilihat dengan mata kasar. Semuanya ini dijadikan contoh tauladan tamsil ibarat dan sumber ilham dalam ciptaan pepatah petith dengan untaian kata - kata yang indah tersusun bahasanya.

Kalau kita mendengar dan membaca sama ada syair, pantun, gurindam, seloka, teka - teki, lirik lagu dan seumpamanya termasuk sajak - sajak moden sekarang begitu *simple* dan mudah kita mengerti dan memahaminya, tetapi

untuk menulis dan menciptakan bukanlah satu kerja mudah dan senang semudah kita membaca dan menikmatinya.

Begitulah juga halnya dengan pepatah petith yang dicipta oleh orang tua-tua kita dulu bukanlah semudah menggoreng pisang atau membuat apam balik umpamanya.

Cuba amat - amati pepatah enam baris yang berupa pantun ini, dari pembayang maksud hingga ke maksudnya dan hayati dengan sepenuh hati. Saya percaya para pembaca akan dapat menilai sendiri di sebalik yang tersirat dan tersurat:

*Penakik pisau seraut,  
Ambil galah batang lintabung,  
Selodangnya jadikan nyiru,  
Seititik jadikan laut,  
Sekepal jadikan gunung,  
Alam terkembang jadikan guru.*



OLEH A. SAMAD IDRIS

## Pepatah petitih gunakan unsur alam

BOLEH dikatakan keseluruhan pepatah petitih atau perbilangan ini adalah berunsurkan alam terkembang yang terdapat di sekeliling kita setiap hari. Di sini saya cuba bariskan beberapa ungkapan kata-kata pepatah yang menggambarkan berbagai-bagai aspek penghidupan manusia dari kelahiran hingga akhir hayat yang penuh dengan tamsil ibarat, budi baso, kias serta sindiran, pengajaran, pendidikan dan sosi-budaya semuanya terdapat belaka terungkap dalam pepatah dan perbilangan. Saya tidak dapat menuliskan di sini dengan panjang lebar kerana terbatasnya ruangan. Begitupun kumpulan ribuan pepatah ini sedang saya usahakan untuk dibukukan. Insya-Allah, dalam waktu dekat ini siri pertama yang mengandungi 200 pepatah yang dimuatkan erti dan ulasan sekali akan diterbitkan. Sebelum itu cuba hayat dulu beberapa

pepatah yang mengandungi unsur-unsur budi di bawah ini:  
Ikulah rasmi padi  
Semakin berisi semakin tunduk  
Jangan ikut rasmi la lang  
Berbunga tegak tetapi sambang  
Kalau berhutang pula diingatkan:  
Petua berhutang biar setempat  
Tuah berhutang beransur  
Celaka berhutang tak berbayar  
Dalam membuat janji pula diingatkan:  
Janji dibuat dimuliakan. Dalam janji digaduhkan (selalu ingat)  
Sampai janji ditepati  
Dan beberapa pepatah yang lain  
Ular menyusur akar tidak akan hilang bisanya  
Ayam jantan berkокok di bawah rumah tidak akan hilang tuahnya  
Bercakap di bawah-bawah  
Mandi di hilir-hilir

Dalam keluhuran budi yang digambarkan dalam pepatah ini diingatkan pula supaya kita jangan terdorong dan terlajak kerana sebab-sebab tertentu seperti lupa daratan, takbur, sompong, bongkak, besar hati, tinggi hidung, bangga dan menganggap dirinya saja yang cerdik dan pandai, sedangkan orang lain bodoh belaka dan seumpamanya.  
Banyak pepatah yang mengingatkan kita dalam hal ini, salah satu darinya cuba amat-amati:  
Gajah terdorong kerana gadingnya  
Harimau terhambur kerana belangnya  
Terdorong perahu boleh diundur  
Terdorong kata emas padahnya  
Begitulah indahnya bahasa yang dirangkaikan dalam ungkapan kata-kata ini yang semuanya berunsurkan alam terkembang seperti yang saya sebutkan di atas tadi.

— SIRI 17



OLEH A. SAMAD IDRIS

## PERKARA SUDAH JANGAN DIBONGKAR

DALAM menyelesaikan sesuatu pergambaran atau perselisihan di antara anak-anak buah dalam masyarakatnya, sistem pentadbiran adat Pepatih telah menyediakan panduan kepada pemegang-pemegang teraju adat. Cuba amat-amati pepatah yang merupakan pantun di bawah ini:

Pasang lukah dalam bondar (talair)  
Jangan diangkit-angkit (angkat)  
Perkara sudah jangan dibongkar  
Kalau dibongkar jadi penyakit  
Barangkali banyak di antara para pembaca yang melalui atau mengalami hal-hal seumpama ini. Kalau ada di antara dua pihak, atau puak-puak ataupun orang perseorangan yang bergaduh antara satu dengan lain jika hendak menyelesaikan masalahnya jangan sekali-kali dibangkit-bangkit atau diungkit-ungkit ataupun disebut-sebut perkara yang menjadi punca pergambaran itu. Jika hal seumpama itu dilakukan

bukan saja penyelesaian tidak mungkin diperolehi malah pertengkaran baru pula yang akan berlaku. Pengalaman yang telah dilalui oleh orang tua-tua kita dulu membuktikan semuanya ini adalah sesuatu yang betul dan sukar untuk ditolak kebenarannya.

Pertelagahan dan pertengkarannya memang sering terjadi di mana-mana pun. Tidak ada satu bangsa atau golongan yang dapat mengelakkan diri dari pertengkarannya, pergambaran malah berperang dan berbunuh-bunuhan sesama sendiri.

Sering berlaku di kampung-kampung pertengkarannya dan perkembangan terjadi kadang-kadang perkara-perkara kecil yang tidak sepatutnya boleh berlaku, umpamanya kerbau si Dolah telah memakan padi si Rashid. Maka berlakulah pertengakaran di antara dua orang sejiran ini, masing-masing menegakkan kebenarannya dan mengaku

dia sajalah yang betul dan biasanya hal-hal seumpama ini dapat diselesaikan oleh buapak (ketua kampung) saja. Dalam peraturan perbilangannya ada menyebutkan:

Kerbau tidak berkandang, seladang padi tidak berpagar, lalang Cuba perhatikan erti di sebalik pepatah ini dan tentunya kita dapat menjawab dengan mudah, tidak akan ada pertengkarannya atau pergambaran yang berlaku di kampung-kampung kalau seluruh masyarakatnya mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan seperti yang tersirat dalam perbilangannya.

Tetapi sebagai manusia tetap manusia. Manusia mempunyai akal dan nafsu, tamak haloba, hasad dengki, iri hati tetap bersarang dalam diri manusia kerana dorongan nafsu. Saksikan sajalah apa yang sedang berlaku dan terjadi di merata dunia sekarang.

SIRI 18



OLEH A. SAMAD IDRIS

## Hutang sekeliling pinggang

ADA orang yang berkata, hidup dalam dunia moden sekarang sesuatu yang sukar dielakkan, ialah berhutang. Apa juga barang yang kita mahu semuanya boleh dibeli dengan cara berhutang, dari membeli sebuah radio transistor hingga ke rumah batu dengan perabotnya sekali semua dengan mudah dibeli dengan berhutang. Kalau ada di antara kita yang demikian halnya, itulah yang dikatakan 'hutang sekeliling pinggang.'

Bagi ahli - ahli perniagaan pula mempunyai falsafah tersendiri, kalau tidak berhutang bukan bermiaga namanya. Ada pula orang yang berfikir panjang takut pula kalau berhutang.

Bagaimanapun berhutang dapat dikatakan satu budaya hidup antara bangsa kerana semua bangsa dan negara di dunia ini terlibat belaka dengan hutang termasuk mana - mana kerajaan pun juga turut berhutang. Kerana itu

dalam adat pepatih jelas mengungkapkan kata - kata yang berkait dengan hutang ini:

Petua berhutang setempat  
Tuah berhutang beransur  
Celaka berhutang tak berbayar

Dari pepatih tersebut jelas menunjukkan orang tua - tua dulu juga turut melakukan hutang kalau tidak tentulah pepatih ini tidak dicipta. Sebaliknya pepatih ini memberi petua yang sangat tepat.

Kalau setiap orang mematuhi petua ini tentunya tidak ada pertengkaran dan pergaduhan sesama sendiri kerana hutang, malah tidak ada yang diseret ke mahkamah.

Satu lagi pepatih yang menyeluruh maksudnya termasuk mereka yang berhutang ialah mengenai mematuhi janji, cuba perhatikan pepatih ini:

Janji dibuat dimuliakan

Dalam janji digaduhkan (sentiasa diingat)

Sampai janji ditepati


Bagaimana pendapat saudara kalau kedua - dua pepatih yang tersebut dipatuhi dan diamalkan oleh setiap insan? Agama Islam sudah amat jelas memberikan petunjuk dalam kedua - dua perkara ini iaitu berhutang dan menunaikan janji.

Ada satu lagi pepatih yang mengingatkan kita supaya berhati - hati dan waspada dalam semua perkara termasuk memberikan pinjaman wang kepada rakan dan sahabat, kerana hutang juga tidak sedikit kawan menjadi lawan, sahabat menjadi musuh. Cuba renungkan pepatih ini:

Buat baik berpada - pada  
Buat jahat jangan sekali.

Bagi saya kebenaran pepatih ini sudah tidak dapat disangkal lagi.

- SIRI 19



OLEH A. SAMAD IDRIS

## ADAT BERSENDI HUKUM

SATU dari beberapa perkara yang menarik dan boleh dijadikan contoh dalam sistem Adat Perpatih ialah sikap masyarakat terhadap individu yang tidak memandang rendah atau hina terhadap orang lain. walau pun seseorang itu ada kelemahan dan kekurangannya.

Semua orang adalah sama dan berguna belaka. Ini amat sesuai dan selari dengan ajaran agama Islam seperti yang tersirat dalam pepatahnya:

Adat bersendi hukum

Hukum bersendi kitabullah

Syarak mengata, adat menurut.

Meskipun Adat Perpatih ini telah lahir sebelum lagi orang-orang Minangkabau memeluk agama Islam, tetapi adat itu sendiri kelihatannya sudah selaras dan sesuai dengan agama. Datuk-Datuk Lembaga dan cerdik pandai orang-orang Minangka-

bau yang telah sempat saya temui adalah sekata dan sependapat dalam perkara ini.

Mereka menyatakan, dengan kedatangan agama Islam bukan saja ia tidak bertentangan dengan agama malah telah memperkuat dan memperkayakan lagi pertembaharaan adat yang telah sedia wujud termasuklah salah satu darinya bahawa setiap individu baik yang kaya, berpangkat, miskin, lemah dan sebagainya ia adalah seorang insan ciptaan Allah S.W.T. Cuba perhatikan pepatah di bawah ini untuk renungan bersama:

Kalau:

Patah penghalau ayam  
Pekak membakar bedil  
Buta penghembus lesung  
Cerdik teman berunding  
Kaya hendakkan emasnya  
Alim hendakkan doanya.

Ini sudah jelas membuktikan kebenaran sistem adat yang menjadi pegangan pengikut-penganut adat ini sejak beratus-ratus tahun yang lalu.

Begitu juga dalam pembahagian rezeki dan faedah yang didapati hasil dari usaha mereka sama ada dengan gotong-royong atau usaha bersendirian. Cuba perhatikan pepatah ini:

Hati kuman sama dicecah  
Hati gajah sama dilapah  
Cicir sama rugi  
Dapat sama laba

Dalam hubungan ini tidak ada seorang-pun yang akan ketinggalan dan keciciran seperti yang diperkuatkan dalam pepatah ini:

Cicir dipungut  
Hilang dicari  
Hanyut dipintasi

- SIRI 20



OLEH A. SAMAD IDRIS

SEPERTI yang telah saya jelaskan dalam siri-siri yang lalu bahawa pepatah atau bidalan yang direka dan dicipta oleh orang tua-tua dulu adalah berdasarkan pengalaman yang dilaluinya dan tidak alam sekeliling menjadi gurunya. Cuba amat-amati pepatah ini:

*Ibarat memagar nyiur condong  
Pangkalnya dipupuk  
Buahnya jatuh ke laman orang  
Kerbau yang membajak di sawah  
Kucing di dapur yang kenyang*

Untuk mengetahui akan apa yang tersirat di sebalik erti dan makna yang diungkapkan dalam pepatah ini bolehlah digambarkan dengan jelas akan sesuatu yang terbentang luas di hadapan mata kita. Kalau saudara ada sebatang pokok nyiur atau kelapa yang condong batangnya, ke manakah buahnya akan gugur, di pangkal batangnya atau jauh dari pangkalnya? Tidak perlu saya ber-

ikan jawapan.

Begitu juga kerbau yang membajak di sawah itu, ia sedikitpun tidak menikmati nasi yang dihasilkan dari penat jerih bajakannya di tengah-tengah panas terik matahari. Sebaliknya kucing yang memerap di dapur yang sedikitpun tidak berpenat jerih itu yang kenyang. Dari sinilah terselitnya salah satu dari ribuan pepatah yang dikatakan alam terkembang dijadikan guru itu.

Dalam saya membalik-balikkan ingatan ketika menulis rencana ini terpancar di sudut hati tentang keghairahan negara dalam menggalakkan pelabur-pelabur asing dari luar negeri menanam modal di negara kita, begitu juga promosi yang begitu hebat dibuat untuk menarik pelancong melawat Malaysia 1990. Apakah ia tidak merupakan seperti ungkapannya pepatah ini? Cuba pula layangkan ingatan mengenai pepatah ini:


*Ibarat menampi padi  
Bernasnya masuk ke bakul  
Hampanya melayang jua.*

Meskipun sewaktu pepatah ini dicipta suasana alam sekililing tidak sama seperti apa yang kita lihat sekarang, tetapi maksud dan tujuan di sebaliknya tidaklah lari dari kenyataan.

Dan cuba pula perhatikan erti pepatah ini:

*Macam rambutan jantan  
Orang berbunga awak berbunga  
Orang berputik awak mereras (gugur)  
Bertegak sama bantai  
Orang menjenjeng awak tidak  
Untung sekarung rugi seguni.*

Pepatah biasanya, selain dari menjadi panduan sebagai satu peraturan dalam sistem pentadbiran Adat Perpatih ia juga menggambarkan tamsil ibarat, kiasan, sindiran, teladan dan seumpamanya. Pepatah di atas adalah salah satu di antaranya.



OLEH TAN SRI SAMAD IDRIS

## AMBIL TUAH KE NAN MENANG

APABILA saya membuat kajian yang agak menyeluruh serta pendekatan yang khusus setelah berpeluang menemui orang tua-tua, pemuka-pemuka adat dan cerdik pandai Minangkabau dalam lawatan saya beberapa kali, memang bertepatanlah seperti pepatah kita: "Hanya jauhari yang mengenal maknikam". Kita akan mengagumi betapa murni dan tingginya nilai falsafah yang terkandung di dalamnya.

Dari kajian yang saya lakukan sedikit sebanyak seperti apa yang dilihat, dipelajari dan dialami di kampung halaman kita sendiri, di samping memberikan perhatian yang mendalam, memanglah Adat Perpatih ini bukan sekadar alunan bahasa menjadi halua telinga, tetapi disirat dengan madah serta falsafah yang tahan diuji sepanjang zaman.

Tidak ada kedapatan pun sistem adat ini yang saya anggap bertentangan dengan cara hidup bermasyarakat yang telah kita anuti di zaman moden ini. Bagaimanapun, seperti juga peraturan dan undang-undang dunia yang lainnya, memang tidak ada yang kekal, tidak ada yang abadi melainkan kita harus menyesuaikan dengan peredaran zaman dan

masa. Sebab itulah ditegaskan:  
Usang-usang diperbaharui  
Koyak ditampung (ditampal)  
Pendek disambung  
Panjang dikerat  
Yang elok jadikan teladan  
Yang buruk jadikan sempadan  
Ibu adat muafakat.

Bagaimanapun, di sini saya hendak tekanan mengenai dengan pepatah petith yang saya padankan dari pantun enam rangkap seperti disebutkan di permulaan tadi. Lihat saja petikan tiga rangkap terakhir yang berbunyi:

Setitik jadikan laut  
Sekepal jadikan gunung  
Alam terkembang jadikan guru

Dari sebuah buku kecil yang saya baca ditulis oleh seorang sasterawan Minangkabau bernama IRDJA yang berjudul "Menyingkap Tabir Sejarah Minangkabau" dapat saya ungkapkan di sini bahawa alam terkembang jadi guru ini menjadi titik tolak bagi falsafah kehidupan orang-orang Minangkabau yang disebutkannya:

Ambil tuah ke nan menang  
Cari contoh ke nan sudah.


Yang setitik jangan dibiarkan tetap setitik, tetapi tambahkanlah dengan cara beransur-ansur supaya menjadi lebih meluas seperti laut yang bergelora.

Begitu juga "sekepal" jangan dibiarkan tetap sekepal saja, tetapi hendaklah diusahakan supaya membesar hingga kelak terbentang menjadi bukit dan gunung yang tersergam tinggi mengawan. Di sini ada tiga tamsil yang dibuat oleh orang-orang Minangkabau yang mengaitkan alam terkembang jadikan guru itu.

Pertama, ayam berinduk  
Kedua, serai berumpun  
Ketiga, sirih berjunjung  
Kenapa mereka memilih ayam berinduk?

Kenapa tidak mengambil dari ibarat yang lain umpamanya kerbau berinduk atau lembu berinduk? Malah kalau mahu diambil ibarat dari binatang liar pun harimau juga ada berinduk dan beranak. Tetapi mengapa mereka mengambil ayam berinduk sebagai tafsiran dari alam terkembang menjadi guru tadi?

SIRI KE-22



OLEH TAN SRI SAMAD IDRIS

## KAIS PAGI MAKAN PAGI

SETELAH dihalusi, kita pasti bersetuju bahawa ayam mempunyai satu sifat dan tabiat yang boleh dijadikan contoh teladan kehidupan sehari-hari bagi insan di muka bumi ini dari sumber alam yang dikatakan terkembang itu. Sebagai satu contoh dari keadaan lingkungan alam yang dicerminkan oleh nenek moyang orang-orang Minangkabau melahirkan satu falsafah seperti perilaku kehidupan seekor induk ayam yang tahu memenuhi tanggungjawab dalam mengatur serta melindungi anak-anaknya.

Induk ayam memang haiwan tetapi cukup tinggi tanggungjawabnya terhadap kepentingan anak-anaknya. Walaupun jumlah anaknya banyak namun si induk ayam tetap mahu memberi anak-anaknya cukup makan hingga tidak mengalami kelaparan. Malah pepatah kita juga apabila menggambarkan tentang kegigihan golongan miskin menyebut:-

Kais pagi makan pagi

Kais petang makan petang

- yang juga mengambil ibarat tamsil dari kehidupan ayam.

Ayam juga bukan sekadar menjaga makan



OLEH TAN SRI SAMAD IDRIS

minum anak-anaknya dengan sempurna, malah sanggup mempertaruhkan nyawanya untuk melindungi anak-anaknya dari mu-

suh. Apabila anak-anaknya dimasukkan ke bawah sayap untuk melindungi dari kesejukan di waktu malam atau kehujanan si induk ayam tidak melepaskan anak-anaknya sekalipun dirinya diancam musang. Si induk ayam juga akan berlegar mengembangkan sayap ke tengah padang sekiranya ternampak bayang helang mahu menyambar dari udara.

Demikian ayam dijadikan tamsil ibarat. Tidak sama seperti harimau yang kadang kala memakan anaknya sendiri. Sedangkan induk ayam sekalipun ditaburkan beras atau padi oleh tuannya, dia tidak akan memakannya, malainkan diberikan kepada anak-anaknya lebih dahulu.

Begitu juga perilaku induk ayam tidak mahu memakan sebarang makanan yang diberikan secara percuma melainkan dia mesti mengekas terlebih dulu. Ini menunjukkan satu tamsil ibaratnya amat tinggi nilai falsafahnya. Dalam ertikata lain setiap insan wajar mencari makan dengan titik-peluhnya sendiri dengan tidak mengharapkan mendapat dengan mudah atau percuma dari belas ehsan orang lain bagaikan :

Pipih datang melayang  
Bulat datang menggolek  
Bulan jatuh ke riba

Sebaliknya mestilah membanting tulang mengeluarkan peluh membina kehidupan yang boleh diwarisi pula hingga sampai ke generasi mereka selanjutnya.

Tanggungjawab seekor induk ayam mempertahankan anak-anaknya dari musuh, bukan saja dari musuh-musuh liar seperti biawak, helang, kucing jalang, musang dan sebagainya, malah kalau ayam jantan atau tuan punya sekalipun cuba hendak mendekati saja, nescaya akan mendapat tentangan dari induk atau ibunya. Apatah lagi kalau musuh-musuh yang liar pasti akan dikelepaskan sekalipun dirinya sendiri terkorban.

Beginilah contoh sumber alam memperkenalkan tabiat induk ayam yang boleh dijadikan teladan oleh manusia untuk digarap dalam falsafah yang tinggi nilainya ini. Di sini saya suka membuat pertanyaan, berapa orang dari kita di sini yang ada mengambil perhatian dan menilai dari ungkapan 'alam terkembang jadikan guru' ini? Saya tidak mahu jawapan.

## Seciuk bak ayam

BAGAIMANAPUN induk ayam tidaklah memelihara anaknya berterusan, tetapi ada batasnya. Setelah anak-anaknya mulai dewasa dan mampu menguruskan hidupnya sendiri, dia akan melepaskan seekor demi seekor anak-anaknya untuk diceraikan dan dilepaskan bagi memulakan penghidupan sendiri. Anehnya, induk ayam tidaklah melepaskan anak-anaknya sekaligus dari tanggungjawabnya, tetapi satu demi satu, kemudian disusuli oleh yang lain hingga salah habis kesemuanya dipisahkan dari induknya.

Setelah anak-anaknya besar pula, induk ayam ini tidak pernah meminta balas jasa dari anak-anaknya. Mereka mencari sendiri dan induknya juga terus mengekas sendiri. Dari sudut lain nenek moyang orang Minangkabau mengambil tamsil lagi kepada ayam seperti bunyi pepatahnya:

Seciuk bak ayam

Sedencing bak besi.

Pepatah ini ditujukan kepada betapa kuhnya persatuan mereka dalam kaum mereka sendiri. Falsafah kehidupan induk ayam inilah dijadikan oleh nenek moyang orang

orang Minangkabau sebagai panduan kehidupan masyarakat di daerah ini yang memakai jalur keturunan itu.

Manakala yang kedua pula ialah serai berumpun. Kenapa orang-orang tua Minangkabau mengambil tamsil ibarat daripada serai, padahal tumbuh-tumbuhan yang lain seperti kunyit, pisang, buluh dan sebagainya juga mempunyai rumpun. Tetapi mengapa mereka mengambil serai sebagai contoh atau tamsil ibarat?

Rumpun buluh misalnya lebih kukuh dan kuat dari rumpun serai. Begitu juga rumpun pisang lebih besar dari serai sendiri, malah rimbun daunnya boleh dibuat tempat berlindung dari panas dan hujan. Tetapi kenapa serai juga dijadikan contoh mentamsil dalam bidang mereka mengambil ibarat dari alam terkembang menjadi guru ini?


Sebenarnya serai mempunyai ciri-ciri lain dari rumpun-rumpun tumbuh-tumbuhan yang lain, selain mengelompokkan batangnya menjadi satu rumpun yang besar. Namun hak individu atau hak tiap-tiap batang itu tetap ada, tidak berhimpit-himpit dengan tungkul induknya seperti halnya rumpun pisang. Kita

tahu rumpun pisang antara satu batang dengan batangnya yang lain mempunyai hak persamaan yang tidak sekata, kerana ada yang besar dan kecil, tinggi dan rendah, berbauh dan baru menjulur jantung dan ada yang langsung tidak berbauh.

Begitu juga dengan rumpun buluh yang nyata berbeza kedudukan taraf dari induknya. Ada yang masih rebung, ada yang mempunyai miang, ada yang tumbuh terasing jauh dari rumpunnya. Tetapi serai serumpun tetap bersama ibunya sama ada tegak merimbun mahupun pupus lampus sama sekali.

Demikianlah pula dengan sirih berjunjung yang dijadikan ibarat tamsil itu. Junjung adalah menjadi adat kebiasaan sebagai pembantu untuk berdiri kukuh. Kalau diibaratkan kepada kaum, wanita, junjungannya adalah suaminya.

Apa saja tumbuhan yang menjalar dan melata tidak akan dapat berdiri sekiranya tidak diberi junjung, samalah seperti kacang panjang, petola, kambas dan sebagainya. Tetapi nenek moyang orang Minangkabau mengambil alam terkembang menjadi guru berpandu-



SIRI 24

OLEH  
TAN SRI  
SAMAD IDRIS

kan kepada tabiat sirih yang dikatakan: Sirih junjung. Kenapa mereka tidak menyebut kacang panjang berjunjung misalnya sebagai berguru kepada sumber alam?

Di antara sifat-sifat yang diberikan Allah S.W.T. kepada kacang panjang dan sirih terdapat satu perbezaan walaupun kedua-duanya sama-sama menjalar serta memerlukan junjung untuk memanjang. Kacang panjang akan memanjang junjungnya dengan melilitkan dirinya ke junjung sehingga junjungnya terikat ketat. Berbeza dengan sirih apabila memanjang junjung hanya sekadar melekat saja, dia tidak akan mengganggu dan menguasai kebebasan junjungnya untuk bergerak, jelasnya tidak mengikat dan menguasai kebebasan orang untuk kepentingannya sendiri.

## HARIMAU BERBULU KAMBING

OLEH kerana tabiat dan perangai manusia tidak sama di antara satu sama lain, ada yang baik, pemurah, berbudi tinggi dan seumpamanya, dalam pada itu tidak kurang pula di antaranya kedapatan yang berperangai jahat, penipu tidak beramanah dan berbagai-bagai kelakuan buruk lagi, maka kerana itu adat pepatah telah menggariskan beberapa panduan yang berupa pepatah untuk pegangan pemegang-pemegang teraju adat dalam menjalankan pentadbirannya.

Cuba amat-amati pepatah ini:

Musuh dalam selimut  
Musang berbulu ayam  
Harimau berkulit kambing

Memang kita tidak dapat menafikan tabiat dan kelakuan sebahagian manusia seperti yang digambarkan dalam pepatah ini, sikap seumpama ini lebih hebat dan menonjol lagi dalam dunia moden sekarang semata-mata demi kepentingan dan faedah diri sendiri.

Satu lagi pepatah yang ada kaitan dengan pepatah yang tersebut di atas yang mengingatkan kita supaya berhati-hati dalam mencari rakan dan sahabat, kecuali ada di antara sahabat-sahabat kita itu yang tidak jujur dan ikhlas seumpama menanam tebu di hujung bibir, kata-katanya amat manis didengar tetapi hatinya serong dan agak busuk maka pepatah ini adalah tepat iaitu:

Menggunting dalam lipatan  
Pepat di luar rencong di dalam  
Lain di mulut lain di hati  
Selain dari itu cuba hayati lagi pepatah ini:

Walaupun tidur sereban  
Ayam mengekas di bawah pokok  
Itik ke air juga


Bagi mereka yang arif dalam menilai gerak langkah dan kehidupan manusia sikap waspada dan hati-hati penting terutama manusia sekarang sudah terlalu cerdik dan terdedah kepada unsur-

unsur yang tidak sihat, kebanyakan dari unsur-unsur ini datangnya dari luar yang banyak mempengaruhi tatasusila dan budaya kita.

Cuba bayangkan betapa orang-orang tua-tua kita dulu menciptakan pepatah ini dengan memberikan kiasan yang tepat di antara kehidupan ayam dan itik, walaupun ia boleh dan selesa tidur dalam satu reban tetapi bila dilepaskan, itik dengan cara hidupnya pasti ke air juga manakala ayam tetap mengekas di bawah-bawah pokok.

Dalam hubungan ini orang-orang tua kita mengingatkan juga, jangan menghidupkan anak musang dalam reban, walaupun ia akan menjadi jinak tetapi kerana tabiat semulajadi musang memakan daging, maka pastilah ayam pada perkiraan kita akan dibahamnya lebih dulu kerana itu setiap tindak tanduk dan gerak langkah kita hendaklah sentiasa waspada, ingat sebelum kena, jimat sebelum habis.

SIRI 25



OLEH  
TAN SRI SAMAD IDRIS

# DAGANG LALU DITANAKKAN

Siri 26

SALAH satu adat budaya Melayu yang amat terpuji dan mungkin jarang kedapatan kepada bangsa-bangsa lain di dunia ini ialah "budi baso" (bukan budi bahasa). Jika dibandingkan dengan orang-orang Barat ibarat bumi dengan langit bezanya, pepatah yang sering kita dengar "kera di hutan disusukan, anak di pangku diletakkan, dagang lalu ditanakkan" sudah cukup membuktikan bagaimana mulianya hati dan tingginya budi dan keperibadian bangsa kita ini.

Oleh kerana tidak berwaspada dan agak keterlaluan budi baiknya adat budaya ini kadang-kadang telah membawa padah buruk kepada orang-orang Melayu dalam banyak perkara, kerana kita selalu lupa dan lalai dari pesanan orang tua-tua "buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali," "hati-hati berjalan di titian terlepas pegangan tergelincir kaki." (Di kampung-kampung terutama di pedalaman dan ketika pepa-



tih ini mula diciptakan, kalau hendak menyeberang sungai yang tidak begitu lebar biasanya dibuat titian dari batang kelapa atau batang pinang tidak ada jambatan seperti sekarang, untuk menyeberang itu selamat dan terjamin

dibuat pula pemegangnya dari buluh).

Biasanya sungai-sungai di zaman dulu dalam-dalam airnya kerana belum ada hutan-hutan yang ditebang seperti sekarang dan biasanya pula dalam sungai ini tidak kurang pula buaya-buaya lapar yang menunggu mangsa, dari sinilah pepatah ini diciptakan.

Seperti yang kita sedia maklum orang tua-tua dulu kalau menuturkan kata-kata amat lemah lembut, beradab sopan dan menggunakan kata-kata kiasan supaya orang yang mendengarnya itu tidak tersinggung dan berkecil hati, tidak seperti setengah-setengah orang sekarang terutama orang-orang muda suka menggunakan kata-kata yang kasar bahasanya lebih-lebih lagi kalau orang-orang politik ketika berkempen dalam pilihanraya.

Orang tua-tua dulu kalau hendak bercakap atau menegur seseorang yang dipandangnya perlu ditegur atau diberi

nasihat ia akan berfalsafah lebih dahulu dengan satu pepatah yang sering menjadi buah mulut mereka, "saya bukan hendak mengajar itik berenang atau hendak mengajar tupai melompat" tetapi hanya sekadar 'kalau lupa beringat' demikian kata-kata yang sedikit pun tidak tersinggung orang mendengarnya.

Seperti yang kita maklum itik tak perlu diajar berenang begitu juga tupai tak payah diajar lagi sudah pandai melompat, inilah kata-kata kiasan yang amat bererti, kerana orang akan dinasihatkan nyi itu dianggap sudah lebih pandai darinya, kerana dari kata-kata ini ia tidak merasa kecil hati dan menerima dengan ikhlas walaupun ia benar-benar telah melakukan kesalahan, begitulah dalam adat pepatih susunan kata-kata demikian sering digunakan dalam perca-kapan sehari-hari lebih-lebih lagi kalau dalam upacara yang ada kaitan dengan adat istiadat.

## Ibarat memagar nyiur condong

DALAM sistem pentadbiran Adat Perpatih, pepatah petitih yang diciptakan oleh cerdik pandai adat ini dulu boleh dikatakan semuanya mengandungi pengajaran dan nasihat selain dari peraturan - peraturan yang mengenai selok belok adat yang amat berguna untuk dihayati dan dipraktikkan oleh anak - anak buah atau sesiapa saja yang berminat untuk mendalaminya. Keseluruhan pepatah petitih ini boleh dikatakan mengandungi kiasan dan ibarat yang tinggi nilainya.

Cuba hayati ungkapan kata - kata dalam pepatah ini:

Ibarat memagar nyiur condong  
Pangkalnya dipupuk  
Buahnya jatuh ke laman orang  
Kerbau yang membajak di sawah  
Kucing di dapur yang kenyang  
Kalau kita benar - benar mendalamkan kandungan dari kiasan pepatah ini ia

Oleh:  
TAN SRI SAMAD IDRIS

tidak begitu sukar untuk memahaminya. Seperti yang pernah saya tuliskan dalam siri - siri yang lalu, Adat Perpatih amat memandang berat tentang pentingnya setiap anak - anak buah mencari rezeki yang halal dan sesuai dengan prinsip - prinsip ajaran adat dan agama.

Soal memeras, tindas menindas di antara satu dengan lain, menggunakan titik peluh orang untuk kepentingan diri sendiri adalah dilarang dan dianggap sebagai sesuatu yang hina di sisi masyarakat, lebih - lebih lagi dari segi adatnya amat tidak bersopan dan bagi mereka yang melakukannya pula dianggap sebagai seorang yang amat rendah hati budinya.

Ada ungkapan kata - kata yang elok diteladani agar keharmonian hidup dalam satu - satu kelompok masyarakatnya aman damai:

*Susah sempit bertolong - tolongan  
Sakit pening jenguk menjenguk  
Kalau nak memanjat buatlah tangga sendiri,*

*Jangan memijak tengkuk kawan.*

Begitulah pesan orang tua dulu. Kalau pesanan ini dituruti pasti tidak akan berlaku gaduh gaduh dekat rumah dekat kampung.

Tetapi sifat manusia semula jadi soal tamak haloba, ingin menjadi orang kaya dan berdarjat sentiasa mempengaruhi setiap insan.

Pesanan yang elok juga diambil perhatian ialah:

*Jangan lurus seperti tali,  
jadi pengikat untuk menguatkan orang lain'.*



## Perahu karam sekerat

DALAM sistem pentadbiran Adat Perpatih soal keadilan, kejujuran dan keikhlasan amat dititikberatkan dalam menjalankan satu-satu tugas. Ia bukan saja mengenai wang ringgit tetapi memegang amanah dalam satu-satu tugas yang diberikan kepada seseorang dengan penuh rasa tanggungjawab serta kesempurnaannya.

Misalnya seseorang yang telah dilantik menjadi ketua seperti Buapak, Lembaga dan Penghulu dalam satu-satu suku atau waris, masing-masing ada tugas yang ditentukan seperti kata pepatahnya:

Beruang-ruang bak durian  
Berlopak-lopak bak sawah  
Berumpuk seorang satu  
Berpunya masing-masing.

Ertinya, tugas dan tanggungjawab seseorang ketua yang dituakan ditentukan batas-batasnya supaya tugas dan tanggungjawab seseorang itu tidak berkecamuk yang boleh melangkah sempadan orang lain (bentuk-bentuk dan tugas seseorang itu akan saya terangkan dalam siri lain nanti, insya-Allah). Kerana itulah pepatah yang terungkap di atas diciptakan untuk menjadi garis



panduan kepada mereka yang memegang teraju adat.

Setiap pemegang teraju adat ini dimestikan mematuhiinya demi untuk menjaga kebijakan dan kesentosaan serta rukun hidup

yang aman damai. Dalam pepatahnya jelas diungkapkan:

*Terkena ke mata jangan dikenyekan (dilelapkan)  
Terkena ke perut jangan dikempiskan*

Dalam memberi pertimbangan dan menghukum pula jangan sampai seperti:

*Limau masam sebelah  
Perahu karam sekerat*

Kedua-dua rangkap pepatah ini jelas menggambarkan seseorang ketua itu hendaklah berlaku adil dan tidak berat sebelah dalam menjalankan tanggungjawab selaku seorang ketua yang bertanggungjawab.

Seseorang ketua itu tidak boleh menghukum seseorang yang didapati melakukan kesalahan berdasarkan pertimbangan keluarga. Umpamanya seorang dari keluarganya melakukan kesalahan maka hukuman yang dijatuhkan tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan atau mungkin dilepaskan begitu saja. Jika seseorang ketua melakukan demikian maka ia telah melanggar hukum-hukum adat yang sebenar adat iaitu 'biar mati anak jangan mati adat' itu.

Begini juga jika ada laba atau keuntungan

yang didapati, pembahagiannya hendaklah sama rata menurut ketentuannya, tidak seperti apa yang disebutkan seperti:

*Puar condong ke perut*

*(Puar adalah sejenis pokok yang batangnya kira-kira sebesar ibu kaki berdaun panjang - panjang kira-kira sehasta atau lebih, bentuknya seperti daun kunyit. Pokok puar ini batangnya tidak ada yang tegak atau lurus melainkan semuanya condong dan melentik belaka. Dari sinilah pepatah ini diciptakan).*

Ertinya ketua yang berkenaan membahagiakan keuntungan atau faedah yang didapati dilebihkan kepada keluarganya saja pada hal orang lain yang bukan keluarga sepatutnya juga mendapat faedah yang sama banyak.

Pepatah ini juga sesuai untuk diambil perhatian oleh mereka yang mahu mengambil perhatian di zaman kita ini, kerana perkara-perkara yang berlaku lebih banyak dan lebih mencabar lagi jika dibandingkan dengan zaman pepatah ini diciptakan beratus-ratus tahun yang lalu, ia kelihatannya sesuai sepanjang zaman.

# Janji dibuat dimuliakan

SIRI 29

SETIAP insan yang hidup di muka bumi ini dikurniakan Allah akal dan fikiran, baik apa bangsa dan agama sekalipun, sama ada yang sudah bertamadun ataupun yang masih primitif.

Kalau seseorang manusia itu tidak dapat atau tidak mahu menggunakan akal dan fikirannya dalam sebarang apa juga pekerjaan atau perlakuannya, maka dengan sendirinya darjat manusianya akan turun kepada darjat orang yang kurang akal atau tidak berakal langsung dan serupalah darjatnya seperti yang melata di bumi atau yang melayang di udara.

Kerana itu dalam Adat Perpatih ada diungkapkan dalam pepatahnya mengenai janji iaitu satu-satunya unsur yang berkait rapat dengan akal dan fikiran.

Berjanji dan menunaikan janji adalah satu-satunya sifat mulia yang dijunjung tinggi. Jika seseorang itu tidak menghormati janji yang memuliakannya, maka nilai budinya dapat diandaikan

sebagai amat rendah.

Bertambah lagi kalau bercakap bohong, mengada-adakan sesuatu yang tidak ada, menokok tambah sejengkal jadi sedepa, maka ia sudah boleh dianggap sebagai seorang yang tidak bermaruah.

Ada pepatah yang menyebutkan dengan jelas dalam soal janji ini, cuba hayati dengan teliti.

*Janji dibuat dimuliakan*

*Dalam janji digaduhkan (selalu diingati)*

*Sampai janji ditepati*

*Kata dikotakan.*

Rasanya tidak perlu saya mengulas panjang mengenainya kerana janji adalah salah satu dari perkara yang berkait rapat dengan amanah. Manusia yang tidak menunaikan janji dan tidak lagi memegang amanah maka dirinya sudah hampir kepada jenis haiwan kerana yang membezakan manusia dengan haiwan adalah akal. Malaikat mempunyai akal tetapi tidak ada nafsu. Inilah

satu-satunya kelebihan manusia yang dikurniakan Allah, berakal dan bernafsu.

Dalam dunia yang berkembang maju ini berbagai ragam manusia telah kita temui, menipu, khianat, pecah amanah malah melakukan jenayah besar seperti membunuh dan sebagainya kelihatannya sudah menjadi perkara biasa. Setiap hari kita dengar dan lihat ada-ada saja peristiwa-peristiwa yang tidak menyenangkan ini sering berlaku.

Kalau kita mahu meneliti berita-berita yang tersiar dalam akhbar-akhbar dapat dilihat bagaimana institusi kewangan terpaksa mengheret peminjam-peminjam ke muka pengadilan.

Semuanya ini berlaku kerana hutang-hutang yang tidak ditunaikan seperti yang dijanjikan. Banyak sebab yang boleh diberikan kenapa hutang-hutang mereka tidak membayar. Saya tidak berhajat hendak membicarakan soal itu di



OLEH:  
TAN SRI  
A. SAMAD  
IDRIS

sini, tetapi boleh diramalkan salah satu dari sebab-sebabnya ialah kerana mereka tidak mahu memegang petua dan pesanan orang tua-tua dulu. Cuba de ngar petua ini:

*Petua berhutang biar setempat*

*Tuah berhutang beransur*

*Celaka berhutang tak membayar.*

*Cubalah fikirkan bersama sejauh mana kebenarannya.*

SIFAT dan tabiat manusia semula jadi biasanya tidak merasa puas dengan apa yang ada dan apa yang sudah didapatnya, sudah dapat satu mahu dua, sudah dapat dua mahu tiga, begitulah seterusnya ia tidak akan merasa cukup dan puas dan jemu untuk berusaha mencapainya.

Kadang-kadang apa yang diusaha-kannya itu kurang atau tidak berjaya seperti yang didapati oleh orang lain. Kerana itu timbulah perasaan tamak haloba dan iri hati dengan orang lain yang lebih berjaya dan berada dari apa yang ia sendiri perolehi.

Begitu juga dalam mengejar pangkat dan kedudukan dalam masyarakat lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang ini perebutan untuk menjadi pemimpin atau ketua dalam satu-satu peringkat atau kawasan tertentu lebih-lebih lagi untuk menjadi wakil rakyat nampaknya sudah menjadi satu adat dan budaya masyarakat yang jelik.

Tuduh menuduh, jatuh menjatuhkan maruah seseorang sudah begitu lumrah seolah-olahnya seperti tidak boleh dibendung lagi. Kebebasan yang dinikmati ada kalanya disalahgunakan dan tidak pada tempatnya.

Kerana itu dalam Adat Perpatih telah mengingatkan sesiapa saja yang menjadi ketua dalam menjalankan tugas hendaklah berlaku adil, menggunakan akal dan fikiran yang tenang dan waras tidak menurut kata hati dan menurut perasaan. Kalau sudah memegang tugas sebagai ketua diingatkan supaya jangan:

Kok gedang (besar) jangan melanda  
Kok cerdik jangan menipu  
Berjaga-jaga meniti titian  
Jangan sampai terlucut pemegangan.

Begitulah peringatan yang diberikan oleh orang tua-tua dulu supaya kita tidak kecundang dalam menghadapi se-

barang pancaroba dan peristiwa yang mungkin terjadi.

Dalam susunan adat ini banyak ke-dapatan pepatah yang diciptakan untuk memberikan peringatan kepada ketua-ketua yang bertanggungjawab memimpin anak-anak buahnya. Cuba perhatikan pepatah ini:

Yang elok di awak  
Elok juga di orang  
Sakit di awak sakit juga di orang  
Yang baik di awak baik juga di orang.

Begitu juga dalam menghadapi masalah yang biasa terjadi dan menimpa anak-anak buahnya kerana Adat Perpatih amat menitik beratkan soal bermasyarakat dan perpadua, seperti panduan yang diungkapkan dalam pepatahnya:

Yang hilang dicari  
Yang hanyut dipintasi



OLEH:  
TAN SRI  
A. SAMAD  
IDRIS

Dapat sama laba  
Cicir sama rugi  
Hati gajah sama dilapah  
Hati kuman sama dicecah.

Semuanya menggambarkan betapa murninya gambaran semangat kasih sayang, cinta-mencintai dan hak sama rata di antara satu sama lain:

Yang buruk dibuang  
Yang elok diteladani.

## Meminang mestilah dari lelaki

ADAT Perpatih amat mementingkan kekerabatan dan kekeluargaan serta berjiran sekampung dalam mengatur kerukunan hidup di antara satu dengan yang lain. Dalam soal "menyambung tali" iaitu bahasa yang lebih kerap digunakan sebagai mengikat tali pertunungan mempunyai peraturan yang tertentu menurut adat yang telah diadatkan.

Di bawah ini saya cuba huraikan seberapa ringkas yang boleh untuk pengertuanan pembaca sekalian semoga mendapat perhatian terutama anak-anak muda yang sekarang sudah banyak menukar adat budaya dari yang lama kepada yang baru, ada di antaranya menganggap yang lama itu sudah lapuk dan mesti diperbaharui. Sejauh mana kebenaran pendapat mereka ini, masalah yang akan menentukan.

Soal pinang meminang ini ada adat tertentu yang mesti dituruti dan dipa-

tuhi di antara kedua pihak yang meminang (teruna) dan yang di pinang (dara). Meminang mestilah datang dari pihak lelaki, adalah menjadi satu-satu yang tidak menurut adat kalau pihak perempuan yang datang meminang yang disebutkan "perigi mencari timba".

Untuk menjodohkan anak-anak muda ini pula, waktu dulu adalah menurut pilihan orang tua. Adalah menjadi satu keibaan bagi keluarga jika soal mencari jodoh dicari sendiri oleh teruna dara yang disebut suka sama suka seperti banyak kedapatan anak-anak muda sekarang.

Dalam urusan pinang meminang ini pula ada peringkat-peringkatnya: Peringkat pertama yang biasa disebut "menanya ibu bapa", pihak keluarga lelaki akan mengirim utusan kepada pihak keluarga perempuan dengan membawa sebentuk cincin yang diungkapkan dalam kata-kata adatnya: "Sebentuk cincin tanya" bererti menanya ibu bapa.

Kadang-kadang ada juga yang membawa dua bentuk cincin tetapi ia disebut sebentuk sahaja.

Ibu bapa pula sebelumnya akan memberitahu keluarga rapat sebelah ibu atas pinangan yang datang secara tidak rasmi. Ketika pinangan ini dibuat, keluarga terdekat selalunya akan dijemput hadir bersama.

Sewaktu pinangan ini dilakukan banyak pepatah petith dan kata-kata adat yang diucapkan tetapi sekarang ini tidak banyak lagi yang pandai beradat. Biasanya ia dilakukan dengan ringkas sahaja. Salah satu dari ungkapan pepatahnya yang penting dan jelas disebutkan kalau ada pihak-pihak yang mungkir janji:

Helah perempuan ganda  
Helah lelaki loncor

Ertinya, kalau pihak perempuan membuat helah atau mungkir janji ia boleh memulangkan cincin tersebut dengan syarat digandakan iaitu kalau sebentuk dijadikan dua, kalau dua digantikan dengan empat bentuk. Begitulah juga pihak lelaki kalau helah yakni mungkir janji, cincin ini akan



OLEH:  
TAN SRI  
A. SAMAD  
IDRIS

loncor iaitu jadi milik siperempuan.

Kalau di zaman dahulu cincin yang dijadikan pinangan ini adalah khusus yang dipanggil "cincin belah rotan". Ia tidak bertatah dengan permata, tetapi ia adalah emas tulen. Tetapi sekarang cincin belah rotan jarang kedapatan lagi, kerana itu sudah digantikan dengan cincin yang bertatah berlian, bagi keluarga yang berada biasanya cincin ini pasti yang agak mahal, begitulah:

Sekali air pasang sekali pasir berubah  
Sekali raja mangkat sekali adat beralih

# Ada padi semuanya jadi

DALAM perkara janji orang tua - tua dulu amat mengambil berat dan perhatian dengan sungguh - sungguh, kerana menunaikan janji adalah salah satu dari perkara amanah yang amat penting. Salah satu ungkapan pepatahnya berbunyi:-

Janji dibuat dimuliakan

Dalam janji digaduhkan

Sampai janji ditepati

Kerana itu bila saja selesai istiadat pinang-meminang ini berlangsung, maka janjipun dibuat untuk menetapkan hari melangsungkan perkahwinan dan lain - lain yang berkaitan dengan kenduri kendara, mas kahwin, hantaran dan sebagainya, biasanya di kampung - kampung zaman dahulu masa yang seuai ialah selepas menuai padi kerana waktu itu keadaan ekonomi orang kampung agak baik, ada pepatahnya yang menyebutkan:

Ada padi semuanya jadi



Ada emas semuanya kemas.

Tidak seperti sekarang musim perkahwinan biasanya waktu cuti sekolah

dan amat kerap pula di hujung - hujung tahun, kerana:

Lain dulu lain sekarang.

Kerana waktu ini bukan saja sekolah bercuti panjang, tetapi juga banyak orang mengambil cuti hujung tahun.

Bila selesai peringkat pertama iaitu pinang-meminang, maka menjadi tanggungjawab kedua ibu bapa menyampaikan pula kepada orang yang dituakan iaitu Buapak yang menjadi ketua anak buah dalam suku atau waris berkenaan tentang pertunangan anaknya dan meminta restu untuk satu lagi peringkat istiadat iaitu yang dipanggil 'mengembang cincin.'

Istiadat yang dipanggil 'mengembang cincin' ini diadakan lebih besar lagi dari istiadat meminang. Kalau meminang hanya terbatas kepada ibu bapa, bapa saudara dan keluarga terdekat saja. Maka istiadat mengembang cincin

ini akan dijemput selain dari Buapak yang termesti, maka orang - orang yang dipanggil 'tempat semenda' iaitu orang - orang lelaki dalam suku waris berkenaan kaum keluarga terjauh dan termasuk orang muda - muda dan tidak ketinggalan orang - orang perempuan juga turut diundang. Biasanya diadakan kenduri kecil di rumah ibu bapa. Datuk Lembaga turut dijemput, walaupun dalam istiadat ini bukan urusannya kerana dari segi adatnya urusan 'mengembang cincin' ini adalah tertentu tanggungjawab Buapak.

Biasanya dalam istiadat ini cincin berkenaan akan diedarkan kepada tempat semenda, orang - orang perempuan yang berkeluarga serta sekalian yang hadir sebagai syarat untuk dilihat dan disaksikan bersama. Ketika cincin ini diedarkan dari satu tangan ke satu tangan usik-mengusik sering terjadi terutama dari anak - anak muda.

## PANTANG ANAK DARA BERTUNANG

ADA yang mengusik dengan kata-kata seperti, "Apakah cincin ini betul-betul emas, jangan-jangan tembaga, tak?" Dan lain-lain lagi kata-kata gurauan kerana suasana istiadat ini penuh dengan keriangan, usik-mengusik semangnya tidak lepas dari berlaku. Anak-anak dara yang bertunang ini tidak berani menjenguk muka kerana dia dan ibu bapanya yang selalunya menjadi sasaran usikan terutama dari orang-orang muda yang nakal-nakal termasuklah rakannya yang sebaya.

Istiadat mengembang cincin ini dilakukan adalah sebagai mengisyitharkan kepada sanak-saudara dekat rumah, dekat kampung, tempat semenda (orang lelaki dalam suku waris) dan orang semenda (orang lelaki yang datang berkahwin dalam suku waris) tentang pertunangan anak mereka dan ranangan untuk hari perkahwinan, sebelum ini kedua ibu bapa, (kadang-

kadang ada juga melalui saudara terdekat) "merisik khabar dengan pihak lelaki tentang penetapan "hari langsung" yakni hari perkahwinan.

Dan menjadi kelaziman Buapak menyampaikan kepada Datuk Lembaganya segala sesuatu yang berlaku dalam 'mengembang cincin' ini serta tentang pertunangan anak sianu dengan seorang teruna dari suku atau waris lain. Ia akan menjelaskan dengan sepenuhnya termasuk hari perkahwinan yang telah ditetapkan.

Jika sekiranya Datuk Lembaganya hadir sama, maka Buapak berkenaan akan menyampaikan segala perkara yang telah dijalankan dan tentang kesempurnaannya walaupun Datuk Lembaga ini sudah tahu kerana ia turut sama menyaksikannya. Sebaliknya kalau Datuk Lembaga ini tidak hadir sama maka Buapak ini akan pergi ke rumahnya. Lazimnya akan disertai oleh kedua

ibu bapa gadis dan menyampaikan tentang pertunangan dan lain-lain yang berkaitan termasuklah hari langsung (perkahwinan). Ketika Buapak menyampaikan berita ini lebih dulu ia akan menyampaikan tepak sirih yang dipanggil bujam yang khusus dibawa oleh waris perempuan, membawa bujam adalah salah satu syarat terpenting dalam adat.

Baik Buapak apa lagi Datuk Lembaga dan Penghulu tidak akan menerima anak-anak buahnya mengadap jika tepak sirih atau bujam ini tidak disampaikan sebelum mengeluarkan kata-kata atau menyampaikan satu-satu maksud.

Setelah selesai upacara 'mengembang cincin' ini, Buapak akan menyampaikan kepada anak-anak buahnya yang hadir supaya memberikan sepenuh kerjasama dan bantuan dari hari itu sehingga ke hari langsungnya.

S11 33



Oleh:  
TAN SRI  
SAMAD  
IDRIS

Memang telah menjadi adat orang-orang di kampung dalam kenduri-kendara lebih-lebih lagi kenduri kahwin yang lazim dipanggil 'beralat' seumpama ini kerjasama di antara orang-orang dekat rumah dekat kampung amat erat dan penuh rasa persaudaraan, di sinilah peranan yang dimainkan oleh Buapak. Dapat dikatakan dalam hal perkahwinan anak-anak buah dalam suku warisnya sama ada berhasil dengan baik atau sebaliknya terletak dalam tangannya.

## Tempat semenda dan orang semenda

BIASANYA kira-kira sebulan lagi perkahwinan akan dilangsungkan satu pertemuan yang biasa dipanggil 'berkampung' akan diadakan oleh tuan rumah di antara sesama seresam yakni orang-orang semenda, tempat semenda juga dijemput sama termasuk waris perempuan. Di sini sekali lagi Buapak memainkan peranan penting. Beliaulah yang menjadi jurucakap dan mengendalikan perjumpaan tersebut, kerana seperti yang telah saya jelaskan dalam siri yang lalu bahawa dalam kenduri kendara seperti nikah kahwin ini Buapaklah yang mengelolakan buruk baiknya.

Ada perbilangan yang menyebutkan:  
Raja orang semenda tempat semenda  
Disuruh pergi dipanggil datang.

Jadinya bila Buapak yang menjadi ketua tempat semenda ini bercakap mengenai apa saja yang berkaitan dengan upacara perkahwinan ini akan dipatuhi oleh orang-orang semenda.

Biasanya Buapak akan berkata, di antara lain, "kepada yang seadat dan seresam (tempat semenda dan orang semenda), orang se-

menda kita Lela Menteri (dalam adat Perpatih adalah kurang sopan kalau menyebut nama kerana dalam adatnya ada mengungkapkan 'kecil bernama, gedang bergelar) akan menerima menantu dengan menyebutkan tarikhnya sekali. Ia akan menyembelih seekor belalang (bahasa yang digunakan kepada kerbau atau lembu) kerana itu dari hari ini datanglah jenguk-jenguk sehingga hari langsung." Inilah perkataan yang biasanya disebut di antara lain-lain.

Dalam pertemuan inilah akan ditetapkan segala-gala yang berkaitan seperti mencari kayu api, membuat pepalas (tempat memasak) termasuk membuat tungku dan lain-lain. Seperti yang saya jelaskan dulu memang telah menjadi adat dan tradisi yang telah dipusakai turun-temurun bahawa orang-orang kampung dalam keadaan demikian akan bertolong-tolongan atau yang umum disebut sekarang bergotong-royong. Semua sekali orang-orang semenda dalam suku waris itu akan turut memberi kerjasama, tidak seorang pun yang berkecuali. Jika ada kedapatan yang degil, ia akan dihukum

menurut adat yang telah diadatkan, tetapi biasanya tidak ada yang bersikap demikian kerana di satu masa kelak ia juga akan mengadakan kenduri seperti itu juga.

Sebaik saja selesai semuanya, mulai dari hari itu akan berjalanlah kerja-kerja yang berkenaan sehingga berlangsungnya hari perkahwinan. Orang-orang perempuan pula akan bekerja menurut kebiasaan seperti menjemur padi dan menumbuknya jadi beras, persiapan segala jenis alat memasak, persiapan pelamin dan lain-lain. Orang lelaki pula menjalankan kerja-kerja yang berat-berat seperti yang tersebut di atas tadi iaitu membuat pepalas tempat memasak, memasang tungku, mengambil kayu dan lain-lain. Tuan rumah akan menyediakan kemudahan-kemudahan dan keperluan yang penting iaitu wang ringgit.

Lebih kurang 10 hari lagi akan berlangsung Buapak akan mengarahkan waris perempuan biasanya dua orang pergi menjemput atau dengan perkataan yang biasa dipakai 'memanggil' ke kampung-kampung yang lain dengan menjemput tiap-tiap orang un-

SIRI 34



tuk bersama meraikan hari perkahwinan seperti yang telah ditetapkan.

Bila sampai hari langsung orang-orang panggilan (jemputan) yang datang tidak dengan tangan kosong. Biasanya mereka akan membawa beras, kelapa dan ayam sebagai hadiah kepada tuan rumah. Semuanya adalah bertujuan meringankan beban bagi mereka yang menerima menantu ini kerana memang diketahui ia agak berbelanja besar.

Tetapi yang penting dalam amalan ini ialah yang disebut 'budi basa' kerana dalam adat Perpatih berbudi basa adalah salah satu dari apa yang dikatakan adat yang teradat seperti yang pernah saya sebutkan di awal-awal siri ini dulu.

# Datang tak berjemput pulang tak berhantar

SIRI KE-35

DI HARI langsungnya perkahwinan ini, Buapak akan memerintahkan dua orang semenda supaya pergi menjemput pengantin lelaki dengan membawa tepak sirih sebagai salah satu alat terpenting dalam sebarang upacara adat.

Menjemput pengantin adalah sesuatu yang mesti kerana kalau ia tidak dijemput bererti satu penghinaan kepada keluarga pengantin lelaki. Seperti kata perbilangan-nya:

*Datang tak berjemput  
Pulang tak berhantar  
dan dianggap orang yang tidak beradat seperti orang dagang.*

Dalam hal menjemput ini pula bukannya boleh dilakukan begitu saja tetapi dibuat dengan penuh adat istiadat. Dua orang semenda yang ditugaskan ini bukanlah sebarang orang. Mereka terdiri dari orang yang pandai beradat dan lancar tutur kata dan perbilangan, kerana mereka nanti akan menghadapi Buapak, Datuk Lembaga dan orang tua-tua di sebelah pengantin perempuan yang handal-handal dalam perbilangan adat. Kalau calang-calang orang akan



dianggap seperti ayam berlaga belum masuk gelanggang sudah mengaku kalah.

Biasanya dalam adat perkahwinan inilah terletaknya segala aturan adat istiadat dijalankan dan di sinilah juga orang akan memberi penilaian sejauh mana orang-orang dari suku yang berkenaan boleh beradat.

Datuk-Datuk Lembaga, Buapak, orang tua-tua dan orang-orang alim akan duduk di tempat yang dikhaskan di hujung serambi. Ada sebahagian rumah hujung serambinya ditinggikan sedikit dari tempat biasa, di

atasnya dipasang kain yang khusus dipanggil tabir langit-langit dan di sekeliling tempat duduknya dipasang pula kain yang dipanggil tabir keliling.

Manakala hidangan pula dibuat khas juga. Kalau menyembelih kambing, kepalanya hendaklah diletakkan dalam hidangan Datuk-Datuk ini. Hidangan ini pula mestilah ditutup dengan tudung saji yang ditutup lagi dengan kain yang dibuat khas. Tudung saji dan tutupnya inilah yang dipanggil tudung hidangan. Semuanya ini adalah tertentu bagi Datuk-Datuk Lembaga dan Buapak saja. Orang lain tidak dibolehkan kerana di sinilah terletaknya keistimewaan Datuk-Datuk dan orang-orang besar adat ini.

Orang yang datang menjemput ini akan datang mengadap Datuk-Datuk yang tersebut, sebagai permulaan kata ia akan menyembahkan tepak sirih atau bujam yang khusus disediakan. Di sini ada kata-kata pepatahnya yang sungguh-sungguh menarik dan bukan sebarang orang yang boleh mengeluarkannya.

Bujam ini akan diserahkan terlebih dahulu kepada Buapaknya. Setelah Buapak

membuka dan menelitinya satu-persatu sambil menyebut beberapa pepatah petith yang berkaitan, setelah berpuashati, maka diserahkan pula kepada Datuk Lembaganya. Datuk Lembaga inilah yang memulakan memakan sirih ini sambil itu ia berpepatah berpetith lagi.

Setelah Datuk Lembaga menyirih, barulah diserahkan kepada Buapak dan yang lain-lain untuk bersama-sama makan sirih. Sambil menyirih mereka akan berbual-bual semata menunggu sirihnya habis dimakan.

Sesudah itu barulah Buapak tadi akan memulangkan kata-kata dua orang yang datang menjemput tadi menanyakan hajat dan lain-lain kata yang berkaitan. Di sinilah baru orang yang menjemput ini bercakap akan hajat dan maksudnya, bahawa mereka disuruh oleh Buapak si anu dari suku berkenaan dan menyampaikan segala apa yang telah dipesan. Di sini bermulalah kata-kata beradat dikeluarkan satu-persatu sehingga selesai.

Setelah semuanya selesai barulah Buapak memerintahkan supaya hidangan makanan disajikan.

## Tujuan menyalang perkenalkan menantu

SETELAH perkahwinan selesai, beberapa hari kemudian kedua pengantin akan pergi bertandang atau dalam bahasa adatnya 'menyalang' atau 'menyembah' ke rumah kaum keluarga yang terapat. Yang pertama sekali ialah ke rumah ibu bapa pengantin lelaki, sesudah itu ke rumah bapa saudaranya dan adik beradiknya serta kaum keluarga yang lain.

Pergi menyalang atau menyembah ini sudah menjadi satu tradisi dan adat resam yang mesti dilakukan. Mereka akan dibekalkan dengan pengangan (dodol) dan wajik yang diisi dalam pinggan khas yang diikat dengan sapu tangan atau kain yang khusus yang dipanggil 'bokor.' Kalau kerabat yang rapat seperti ibu bapa dan bapa saudara bokornya sekurang-kurangnya dua pinggan satu-satu, yang lain-lainnya satu-satu.

Pengangan dan wajik ini biasanya dibuat beberapa hari sebelum melangsungkan perkahwinan dan menjadi satu tugas kaum ibu melakukannya seperti yang saya jelaskan dalam siri yang lalu, kerja-kerja ini dibuat dengan cara bertolong-tolongan dari mula menjemur padi, menumbuk pulut dijadikan



OLEH:  
TAN SRI  
A. SAMAD  
IDRIS

tepung dan seterusnya mengacaunya (memasak). Amalan bertolong-tolongan ini sesungguhnya satu amalan yang sangat mulia.

Tujuan mereka pergi menyalang atau menyembah ini adalah untuk memperkenalkan menantu baru kepada kerabat-kerabat di sebelah lelaki dan memperkenalkan pengantin lelaki kepada kerabat-kerabat di sebelah perempuan supaya mereka lebih mengenalinya dari dekat walaupun mereka sudah mengenalinya di hari perkahwinan. Adalah dianggap tidak berbudi bahasa kalau sekiranya mereka tidak datang menyembah sebagai orang baru dalam keluarga.

Di zaman dahulu tidak ada orang muda-muda yang keluar kampung pergi bekerja dengan kerajaan atau di kilang-kilang seperti sekarang dan boleh dikatakan tidak ada langsung yang menjalankan perniagaan baik di kedai-kedai runcit, gerai-gerai dan seumpamanya melainkan mereka itu duduk di kampung mengerjakan sawah bendang, menternak ayam itik atau kerbau. Lembu pada waktu itu jarang dipelihara tidak seperti sekarang sudah banyak kedapatan lembu-lembu dipelihara di kampung-kampung. Kerbau selain untuk daripada untuk dimakan dagingnya juga digunakan untuk membajak sawah.

Sudah selesai pergi menyembah ibu bapa dan ibu bapa mertua pengantin lelaki ini, ibu dan bapa mertua akan menjelaskan kepada menantunya tentang harta-harta yang ada seperti sawah bendang, tanah kampung, dusun, ternakan dan lain-lain yang menjadi tanggungjawabnya untuk dimajukan dan kalau ada pula menantu yang membawa harta juga hendaklah diterangkan kepada kedua-dua mertuanya. Biasanya ia dihadiri sama oleh tempat semenda dan kadangkala buapak juga

turut sama menyaksikan. Dalam adatnya jelas menyebutkan, kalau takdirnya berlaku sesuatu yang buruk seumpama perceraian maka harta ini akan dibahagikan mengikut ungkapan dalam pepatah ini.

Harta dapatan tinggal  
Dibawa kembali  
Carian dibagi

Ertinya harta yang diterangkan oleh bapa mertuanya tadi akan tinggal dan apa yang dibawa oleh menantunya akan dibawanya kembali, tetapi dalam waktu mereka berkeluarga ini kedapatan kerbau yang dibawanya sudah beranak dua ekor, maka seekor dibagi kepada bekas isterinya dan seekor lagi dibawa balik selain daripada induknya yang dibawa bersama, begitulah sebaliknya.

Kalau kita menilik dari ungkapan pepatah ini tidak ada siapa yang dapat menafikan akan peri benarnya dan wajarnya keputusan yang diambil kerana ia tidak menimbulkan sebarang masalah atau persengketaan di antara kedua pihak yang terpaksa berpisah.

SIRI KE-36

# DI MANA BUMI DI PIJAK

SIRI KE-37

SISTEM pentadbiran Adat Perpatih telah bersama dibawa oleh perantau-perantau Minangkabau yang berhijrah ke Semenanjung Tanah Melayu dari permulaan abad kelima belas lagi iaitu sezaman dengan Kerajaan Melayu Melaka, kedatangan mereka bergelombang - gelombang dan tidak putus-putus sehingga pecah Perang Dunia Kedua.

Mereka bukan saja mendiami Negeri Sembilan tetapi juga banyak kedapatan di Selangor terutama di Daerah Hulu Langat sekitar Kuala Lumpur, Gombak dan Setapak, dan Hulu Selangor, Batang Padang di Tanjung Malim dan kedapatan juga mereka di Larut - Matang di Perak. Sebahagian lagi kedapatan di Bentung dan Temerluh serta Kuantan.

Selain dari Negeri Sembilan perantau - perantau ini tidak mengamalkan lagi Adat Perpatih dalam sistem hidup bersosialisasi dan bernegeri, sebagai pendatang mereka menyesuaikan diri

dengan keadaan setempat dan lingkungan hidup yang berbagai, mereka tetap berpegang kepada ungkapan kata-kata adatnya.

Di mana air disauk  
 Di situ ranting dipatah  
 Di mana bumi dipijak  
 Di situ langit dijunjung  
 Masuk kandang kerbau menguak  
 Masuk kandang kambing mengembek.

Kalau diperhatikan dengan agak teliti, kenapa perantau - perantau Minangkabau ini tidak meneroka di tepi pantai, sebaliknya banyak mereka meneroka jauh ke hulu negeri yang jauh dari pantai, di sini boleh menimbulkan tanda tanya bagi mereka yang berminat untuk membuat penyelidikan sejarah.

Bagi saya ada dua sebab pokok yang boleh ia berlaku demikian, pertama, Dialam Minangkabau ada dua bentuk

pentadbiran adat yang agak berlainan sedikit cara pelaksanaannya. Satu dipanggil Adat Temenggung yang dipelopori oleh Datuk Ketemenggungan dan satu lagi ialah Adat Perpatih yang dipelopori oleh Datuk Perpatih nam sekarang, kedua mereka adalah keturunan Raja-Raja Pagar Ruyung adik-beradik sebu.

Salah satu dari persetujuan yang dicapai di antara kedua-duanya ialah menentukan kawasan penerokaan bagi pengikut masing - masing. Datuk Ketemenggungan mengambil kawasan di tepi-tepi pantai manakala Datuk Perpatih mengambil kawasan di pedalaman, kerana pengikut - pengikut Datuk Perpatih yang kebanyakannya merantau maka mereka memilih untuk meneroka kampung halaman di kawasan - kawasan hulu-hulu negeri tidak di tepi - tepi pantai.



Oleh:  
 TAN SRI A. SAMAD IDRIS

## Perantauz Minangkabau bermukim

SEBAB kedua boleh juga diandaikan disebabkan suasana yang kurang tenteram, seperti yang kita tahu sesudah Melaka ditawan Portugis dalam tahun 1511.

Peperangan dan pergaduhan tidak putus-putus berlaku di antara orang-orang Melayu dan Portugis dan kemudiannya Portugis, Belanda dan Inggeris.

Selain dari orang-orang Bugis yang jauh sebagai pahlawan - pahlawan laut itu, kerana keadaan yang tidak aman ini mereka memilih tempat yang lebih aman dengan mudik ke hulu melalui sungai-sungai kerana itulah kedapatan perantau - perantau Minangkabau ini bermukim di tempat - tempat yang saya sebutkan minggu lalu.

Kerana sebilangan mereka sudah begitu ramai di Negeri Sembilan, mereka pun mendirikan sebuah kerajaan di mana sebelumnya mereka berada di ba-



wah pemerintahan Kerajaan Johor setelah pemerintah Melaka berpindah ke Johor.

Sebelumnya Negeri Sembilan juga turut di bawah pentadbiran Kerajaan Melayu Melaka.

Setelah Kerajaan Johor berada di dalam keadaan lemah kerana menghadapi perperangan dengan Portugis dan kemudiannya Belanda selain dari orang-orang Bugis yang telah bertapak di Riau.

Permintaan pembesar Minang menubuhkan sebuah kerajaan berasingan telah diperkenankan oleh Sultan Johor dan pada 1773 tertubuhlah sebuah kerajaan yang baru diberi nama Negeri Sembilan

Maka kerana itulah perantau - perantau Minang yang semakin ramai mendiami kawasan itu telah meminta restu Sultan Johor untuk menjemput rajanya dari Pagar Ruyong Minangkabau dan menubuhkan sebuah kerajaan yang berasingan dari Johor.

Permintaan pembesar - pembesar Minang ini telah diperkenankan oleh Sultan Johor dan pada tahun 1773 tertu-

buhlah sebuah kerajaan yang baru diberi nama Negeri Sembilan dengan rajanya yang pertama bernama Raja Melewar.

Disebabkan adanya sebuah kerajaan dibentuk oleh orang-orang Minang sendiri dengan seorang rajanya juga dari Minang maka kerana itulah adat perpatih terus dipakai sebagai wadah pentadbiran sebuah kerajaan, lengkap dengan segala peralatan pentadbiran dari raja, pembesar - pembesar dan rakyatnya dan kenapa orang-orang Minang yang berada di tempat - tempat lain itu tidak mengamalkan adat perpatih dengan mudah dapat jawapannya; kerana kumpulan orang-orang Minang itu tidak ramai dan kerajaan yang terbentuk pula bukan seperti yang terdapat di Negeri Sembilan maka keupayaan mereka mengamalkan sistem pentadbiran adat perpatih tidak dapat dilaksanakan.

## Berjinjang naik bertangga turun

SIRI KE-39

SETELAH Kerajaan Negeri Sembilan ditubuhkan dalam tahun 1773 dan Raja Melewar ditabalkan sebagai raja yang pertama, maka sistem pentadbiran pun disusun di mana Adat Perpatih telah dijadikan sebagai satu peraturan dalam sistem pentadbiran negeri di seluruh Negeri Sembilan.

Dalam sistem pentadbiran ini diungkapkan dengan pepatahnya:

Berjinjang naik bertangga turun.

Anak buah beribu bapa

Suku Berlembaga, Luak berpenghulu  
Alam beraja

Dapat saya katakan di sini dalam pentadbiran menurut Adat Perpatih ini adalah satu sistem pemerintahan yang bercorak demokrasi yang mula diamalkan di Minangkabau lebih 500 tahun yang lalu.

Boleh dianggap bahawa bangsa Melayulah yang pertama dalam dunia ini yang menjalankan pentadbiran negera menurut sistem demokrasi wa-



laupun Aristotle dan Pluto pernah berfeori mengenainya yang disebut 'demoskratos' atau kuasa rakyat tetapi tidak diperlakukan, ia hanya dilaksanakan setelah revolusi di Perancis pada tahun 1789.

Ertinya baru 200 tahun barulah corak pentadbiran di negara Barat bermula dengan pemerintahan demokrasi.

(Saya tidak mengakui bahawa apa yang saya sebutkan di sini adalah be-

nar tetapi kalau ada ahli sejarah dapat memberikan kenyataan dan hujah-hujah yang dapat diterima, saya adalah akur dengannya, tetapi sebaliknya jika tidak ada sesiapa yang dapat memberikan kenyataan dengan dalil-dalil yang tepat maka pendapat yang saya kemukakan ini boleh dan dapat diakui akan kebenarannya).

Sebelum kedatangan Raja Melewar seperti yang saya jelaskan dalam siri yang lalu orang-orang perantau Minangkabau sudahpun berada di Negeri Sembilan sejak dari jkurn yang ke-15 lagi, tetapi belumlah begitu ramai.

Tetapi setelah banyak kampung yang telah diterokai dan didiami maka timbulnya hasrat rakyat yang dipimpin oleh Buapak, Lembaga dan Penghulu-Penghulu Luak untuk menjemput seorang putera raja dari Minangkabau setelah mendapat restu dari Sultan Johor untuk merajai Negeri Sembilan.

Dalam sistem pentadbiran ini kampung-kampung yang telah diteroka dan didiami dibahagikan kepada beberapa buah kampung yang dipanggil suku atau waris, nama-nama suku atau waris di Negeri Sembilan yang sekarang mengandungi 12 suku kecuali suku Biduanda dan Anak Melaka, 10 lagi nama suku-suku itu adalah nama kampung asal mereka di Minangkabau. Nama-nama 12 suku tersebut adalah seperti berikut:

1. Tanah Datar
2. Batu Hampar
3. Seri Lemak Pahang
4. Seri Lemak Minangkabau
5. Mungkar
6. Paya Kumbuh
7. Simalenggang
8. Tiga Batu
9. Biduanda
10. Tiga Nenek
11. Anak Melaka
12. Batu Belang.

## Bulat anak buah menjadikan buapak

Siri Ke-40

DI sini kedapatan dua nama yang serupa iaitu Seri Lemak Pahang dan Seri Lemak Minangkabau. Nama Pahang disebutkan di sini ialah kerana sebelum orang - orang Minangkabau yang datang berhijrah ke Negeri Sembilan ini, mereka terlebih dahulu pergi ke Pahang.

Dari Pahang barulah mereka datang ke Negeri Sembilan kerana di daerah - daerah Bentong, Temerloh dan Kuantan kedapatan ramai orang - orang yang berasal dari Minangkabau.

Seri Lemak Minangkabau pula, mereka datang terus dari Minangkabau dan langsung ke Negeri Sembilan, kerana itulah mereka menamakan suku nya Seri Lemak Minangkabau.

Bila mereka berpindah dan meneroka Negeri Sembilan yang biasanya mereka datang dua suami isteri maka dinamakanlah kampung yang diterokainya itu nama kampung asal di mana mereka datang dan akhirnya bilangan mereka



bertambah ramai beranak bercucu maka dinamakanlah kampung tersebut sebagai suku atau waris.

Dan kerana itulah juga dalam Adat Perpatih seseorang yang sama satu suku atau yang dipanggil sewaris tidak boleh berkahwin.

Di sini ada juga pertanyaan ditimbulkan oleh setengah - setengah orang kerana ia dianggap bertentangan dengan hukum syarak. Tetapi peraturan adat ini diwujudkan ialah kerana asal usul

mereka itu adalah adik - beradik dari keturunan yang sama satu datuk dan satu nenek.

Kerana itu mereka dilarang berkahwin kerana dianggap masih berkeluarga terdekat. Jika ada di antara mereka yang melanggar adat ini mereka akan dihukum menurut ketentuan adat.

Tetapi sepanjang yang saya ketahui amat jarang berlaku seseorang itu berkahwin satu suku atau satu waris kerana mereka dilahir dan dibesarkan dalam sebuah kampung dan rumah yang berdekatan, mereka bermain, mengaji dan sebagainya sejak dari kecil bersama, maka rasa kekeluargaan itu amat tebal.


Secara peribadi saya yang dilahir dan dibesarkan dalam suku Tanah Datar saya tetap merasakan demikian. Hingga ke saat ini kalau seseorang itu mengatakan bahawa ia dari suku Tanah Datar, maka dengan serta merta ia saya anggap sebagai adik - beradik. Begitu

sekali tebalnya perasaan sesuku atau sewaris ini.

Yang dikatakan berjenjang naik itu ialah membuat pemilihan bagi menantu dan melantik ketua, dari buapak, lembaga dan penghulu yang akhirnya raja.

Dalam kata - kata adatnya disebut: Bulat anak buah menjadikan buapak. Bulat buapak menjadikan lembaga. Bulat lembaga menjadikan penghulu. Bulat penghulu menjadikan raja.

Sekarang ini sudah berubah sedikit peraturannya. Empat orang penghulu iaitu Sungai Ujung, Jelebu, Johol dan Rembau telah ditukar namanya dari penghulu kepada undang. Menurut Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan, hanya empat orang undang ini saja yang berkuasa memilih raja. Perubahan ini berlaku setelah penjajah Inggeris mencampuri pemerintahan Negeri Sembilan sejak awal kurun kesembilan belas.



3hb. Sept. 1989.  
SIRI KE-41

Oleh:  
TAN SRI  
SAMAD  
IDRIS

## Dari mana datangnya 'undang'?

TIDAK diketahui kenapa nama 'Penghulu' ditukar kepada 'undang' dan dari mana pula perkataan 'undang' itu diambil masih lagi menjadi satu persoalan dan belum ada ahli sejarah yang membuat penyelidikan dan menulis mengenainya.

Ada orang mengandaikan bahawa perkataan 'undang' itu diambil dari 'undang - undang' kerana Datuk - Datuk Undang ini adalah memegang kuasa adat yang tertinggi dalam luaknya. Sejauh mana kebenaran andaian ini masih boleh dipertikaikan.

Tetapi dari apa yang saya difahamkan, dalam daerah - daerah Minangkabau ada juga disebut satu tempat yang dipanggil 'Telaga Undang'. Apakah 'Undang' ini diambil dari perkataan tersebut? Tidak juga jelas. Tetapi dalam luak - luak undang ini ada juga perkataan 'Telaga Undang' ('telaga' bererti pergi di mana di hari kerja Datuk Undang ini disiramkan oleh waris - waris tertentu yang disebut 'istiadat bersiram' salah satu istiadat yang telah diadatkan sejak turun - temurun).


Saya sudah cuba mencari - cari dan menyelidiki serta bertanya dengan orang tua - tua tetapi tidak ada seorang pun yang mengetahuinya. Setakat ini saya belum lagi menemui dalil - dalil yang tepat yang dapat dianggap sebagai satu kesimpulan yang boleh diterima. Insya-Allah saya akan berusaha lagi untuk menghuraikan persoalan ini. Walaupun ia bagi sesetengah orang dianggap tidak begitu penting, tetapi bagi saya dan juga saya yakin peminat - peminat sejarah soal yang demikian adalah sesuatu yang seharusnya diketahui oleh generasi muda terutama sekali orang - orang Negeri Sembilan.

Begitupun dari percakapan orang tua - tua yang saya dengar, timbulnya perkataan 'undang' ini adalah bertujuan untuk membezakan dengan 5 lagi Penghulu Luak 'Tanah Mengandung' yang terdapat di Daerah Kuala Pilah kerana Penghulu - Penghulu Luak Dalam 'Tanah Mengandung' ini tidak sama peranannya atau kuasa yang ada di tangannya seperti yang terdapat pada empat orang Undang yang lain.

Meskipun Undang Luak Johol dalam lingkungan Tanah Mengandung dalam Daerah Kuala Pilah tetapi kedudukan dan tarafnya agak berlainan dari lima penghulu - penghulu Luak yang lima itu.

Setakat ini saya belum menemui lagi tarikh yang tepat bilakah mulanya pertukaran nama dari 'Penghulu' kepada 'Undang' ini diisytiharkan kerana setelah saya menyemak Warta Kerajaan yang tersimpan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan saya tidak menemui sebarang bukti. Tetapi dari perjanjian yang dibuat di antara Yang Dipertuan Besar Seri Menanti dengan Undang Yang Empat dalam tahun 1898, jelas menunjukkan bahawa nama undang itu sudah sedia wujud.

Dari percakapan Datuk - Datuk Penghulu 'Tanah Mengandung' yang tua - tua dulu yang saya ketahui bahawa kesemua sembilan penghulu luak ini bergelar Undang belaka tetapi sebelum itu ia bergelar Penghulu. Bila pula ia bertukar kepada gelaran Undang dan kenapa gelaran ini bertukar juga belum diketahui puncanya. Tetapi kemudiannya gelaran Undang Luak kepada Penghulu yang lima 'Tanah Mengandung' ini dihapuskan setelah Datuk Kelana Putera Makmur (1889 - 1945) membangkitkannya.



Oleh:  
TAN SRI  
SAMAD  
IDRIS

SIRI KE-42

## Kata putus pada undang

DALAM kata-kata adatnya (undang-undang) jelas diungkapkan seperti berikut:

*Tali pengikat kepada lembaga*

*Kata pemutus pada undang*

*Pedang pemancung pada keadilan*

Ungkapan ini berlaku semasa penjajah Inggeris belum mencampuri pentadbiran negeri iaitu di zaman pemerintahan Raja-Raja dan Pembesar-Pembesar Melayu.

Dalam hal-hal tertentu ada dijelaskan kuasa seseorang buapak, lembaga, penghulu, undang dan keadilan (raja) tidak semua kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang ramai disampaikan ke atas, ia menurut besar kecilnya kesalahan seseorang itu, ini jelas disebutkan dalam kata-kata adatnya:

*Berlopak-lopak bak sawah*

*Beruang-ruang bak durian*

*Berumpuk seorang satu*

*Berpunyi masing-masing*

(Bagaimanapun pepatah ini agak luas maksud dan maknanya, ia boleh juga diandaikan kepada hal-hal yang lain menurut fahaman seseorang tetapi ia tidak lari dari prinsipnya).

Kalau kesalahan seseorang itu ringan dan kecil seperti perkelahian di antara orang-orang sebelah menyebelah rumah kerana kambingnya makan sayur orang rumah sebelah atau kerbaunya makan padi orang lain atau seumpamanya maka ia boleh diselesaikan oleh buapak saja. Kalau buapak tidak dapat menyelesaikan bolehlah mereka mengadu dengan lembaga dan seterusnya.

Biasanya kalau berlaku jenayah besar seumpama pembunuhan ini biasanya diputuskan oleh undang kalau dalam luaknya atau keadilan (raja). Itulah yang disebutkan 'tali pengikat kepada lembaga' yang bererti menangkap orang yang berbuat salah 'kata pemutus kepada undang' yang bererti menjatuhkan hukuman. Ia samalah ertiya 'pedang pemancung pada keadilan (raja).'

Tetapi setelah Inggeris menjajah kuasa-kuasa yang ada pada raja, undang, penghulu, lembaga dan buapak ini dihapuskan kecuali hal-hal yang mengenai adat istiadat dan agama saja. Kuasa-kuasa yang mengenainya telah pula dipindahkan kepada pembentukan satu majlis yang dipanggil 'Dewan Keadilan dan Undang.' Dewan ini kekal hingga sekarang.

Ungkapan kata yang menyebutkan:


*Berjenjang naik*

*Berangga turun*

*Turun dari istana nan tinggi dan*

*balai nan panjang*

Itu sudah diserapkan dalam majlis yang dikenali dengan Dewan Keadilan dan Undang itu di nama pengurusnya ialah DYMM Raja sendiri dan Undang Yang Empat, Tunku Besar Tampin, Tunku Besar Seri Menanti, Datuk Shahbandar, Menteri Besar sebagai ahli-ahli tetap. Biasanya setiausaha kerajaan, penasihat undang-undang, pegawai kewangan negeri turut sama hadir. Tempat Menteri Besar itu dahulunya dipegang oleh British Resident atau penasihat British setelah Persekutuan Tanah Melayu terbentuk.



SIRI KE-43

Oleh:  
TAN SRI  
SAMAD  
IDRIS

## Untuk bezakan empat undang

DATUK Kelana Putera Makmur memberi alasan oleh kerana empat Undang yang telah menandatangani Perjanjian 1898 telah mengiktirafkan kembali Yang Dipertuan Besar Seri Menanti bergelar Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan maka kedudukan dan tarafnya tidaklah sama dengan lima lagi Penghulu Tanah Mengandung itu.

Empat orang Undang dari empat luak itu adalah berkuasa penuh perkara - perkara yang berkaitan dengan adat dan agama dalam luaknya masing - masing. Jika sesuatu yang timbul dalam luaknya ia boleh terus berhubung dengan British Residen dengan tidak perlu merujuk kepada Yang Dipertuan Besar. Ini jelas tertulis dalam perjanjian tersebut.


Tetapi sebaliknya lima orang Penghulu Luak Tanah Mengandung ini kuasanya terletak kepada Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan di Seri Menanti, kerana itu gelaran Undang kepada lima penghulu itu tidak sesuai dan tidak wajar lagi dikekalkan, demikian hujah Datuk Kelana Makmur.

Untuk membezakan di antara empat Undang tadi maka gelaran Undang kepada lima penghulu Tanah Mengandung itu dikembalikan kepada gelaran 'penghulu'. Dalam erti kata lain kedudukan dan taraf empat luak yang bergelar Undang itu lebih tinggi dari lima luak di lingkungan Tanah Mengandung yang bergelar penghulu disebabkan gelaran asalnya 'Penghulu Luak' maka dikembalikan gelaran tersebut kepada mereka kekal hingga sekarang ini.

Berdasarkan Perjanjian 1898 ini di mana waktu itu empat Undang yang ada sekarang sudahpun bergelar Undang dan jelaslah bahawa gelaran ini telah ditukar dari 'penghulu' kepada 'Undang' sebelum lagi perjanjian 1898 itu.

Dalam siri yang lalu ada saya nyatakan bahawa dalam sistem pentadbiran yang disebutkan 'berjenjang naik bertangga turun' maka berjenjang naik yang dimaksudkan ialah dari rakyat kepada ketua yang dipanggil Buapak dan dari Buapak kepada Datuk Lembaga dan dari Datuk Lembaga kepada Penghulu dan dari Penghulu kepada Raja.

Dan yang dikatakan 'bertangga turun' itu ialah dari istana yang tinggi (raja) balai nan panjang (Penghulu atau Undang) kemudian turun pula kepada lembaga, lembaga kepada Buapak, dan Buapaklah bertanggung-jawab menyampaikan segala perintah atau peraturan itu kepada anak buahnya masing - masing.



Oleh:  
TAN SRI  
SAMAD  
IDRIS  
SIRI KE-45

## Tabiat ayam jantan jadi renungan

KEDUA rangkap pepatah ini (yang disiarkan minggu lalu) mempunyai maksud yang sama. Bayangkan kerbau yang membanting tulang membantu tuannya mengerjakan sawah bendang, tetapi terpaksa meragut rumput mencari makan. Sedangkan kucing yang hanya tidur dan menguap di dapur menerima nasib 'nasi disuap ke mulut, hidangan tersaji ke lutut.'

Kalau kita andaikan dengan suasana yang berlaku sekarang boleh kita analisis betapa pepatah ini terjelma dalam kehidupan manusia. Cuba kita teliti secara mendalam kaitan kiasan ini dengan masalah pembahagian ekonomi sama ada kepada individu mahupun negara seluruhnya, anda boleh menilai sendiri dan usah saya memberikan jawapan.

Satu lagi pepatah yang ada kait mengait dengan suasana yang berlaku sekarang ialah:

*Kokok berderai - derai, ekor bergelumang tahi.*

Kita tahu kebanyakan orang - orang di kampung menjadi satu kemestian memelihara ternakan seperti ayam itik, kerbau kambing dan lain-lain. Menjadi tabiat ayam jantan pula seolah - olah sebagai tanggungjawabnya akan berkокok menjelang hari siang.

Kadangkala di waktu - waktu tertentu juga ayam jantan ini berkокok sambil memukul - mukul kepak bagaikan 'mendabik dada.' Apakala ayam jantan ini berkокok tentu pula ia melompat ke atas pagar, tunggul atau tempat - tempat yang tinggi.

Pepatah ini membayangkan bagaimana seekor ayam jantan terutama sekali yang baru tumbuh taji atau susuh sentiasa garang gerak lakunya. Kalau berkокok memukul - mukul kepak ke paha, lagaknya samalah seperti mencabar ayam jantan lain.

Tidak hairanlah disebutkan dalam pepatah 'ayam jantan julung bertaji' ini bukan saja galak berkокok, malah akan melejang ke sana ke mari memperagakan kehebatan dan kejantannya terutama bila ayam - ayam jantan lain dihampiri oleh ayam - ayam betina.

Tetapi jelas yang dikatakan kokok berderai - derai itu dimaksudkan dengan sikap berkокok yang berlebihan. Biasanya yang berkelakuan begini ialah ayam - ayam jantan yang agak tua sedikit.

Kokok ayam jantan tua itu begitu mersik dan nyaring. Memang gemanya terdengar ke pelusuk kampung. Sayangnya ayam jantan tua ini tidaklah menyedari bahawa ekornya yang berjurai panjang itu dipenuhi dengan tahi.

Kiasan pepatah ini selalu kedapatan di tengah kehidupan masyarakat manusia sejagat. Ayam jantan berkокok nyaring ini memanglah memandang rendah ayam jantan lain, kerana apabila dia berkокok sesiapa pun jangan menyahut kokoknya.

OLEH  
TAN SRI  
SAMAD  
IDRIS

SIRI  
KE-44

## Ibarat memagar nyiur condong

SEPERTI dijelaskan dalam siri-siri yang lalu bahwa pepatah petitih dalam adat perpatih selain dari diselitkan kiasan dan sindiran adalah juga merupakan undang-undang, peraturan dan pentadbiran.

Ianya digunakan bukan saja mentadbirkan kampung halaman dan kelompok masyarakat yang kecil, malah meliputi pemerintahan negara seluruhnya yang termaktub dalam perbilangan: alam beraja, luak berpenghulu, lembaga bersuku, buapak beranak buah.

Salah satu daripada beribu-ribu pepatah yang terlintas dalam fikiran saya ketika hendak menulis rencana ini, rasanya amat sesuai dengan keadaan yang sedang kita hadapi sekarang, berbunyi begini:

*Ibarat menagar nyiur condong*

*Pangkalnya dipupuk*

*Buahnya jatuh ke laman orang*

*Kerbau yang membajak di sawah*

*Kucing di dapur yang kenyang*

Kalau kita meneliti kiasan pepatah ini ternyata falsafahnya amat dalam. Cubalah bayangkan kalau kita ada sebatang pokok kelapa di kampung yang bersempadan dengan kampung orang lain.

Biasanya sempadan kampung dipagar. Sudah tentulah pokok kelapa yang tumbuh di kawasan kita dipupuk dan dibajai, tetapi apakala batangnya condong di halaman orang, buahnya mestilah jatuh ke sebelah pagar.


Tidak perlulah saya huraikan dengan panjang lebar maksud yang tersembunyi di sebalik kiasan ini, kerana anda sekalian tentu dapat menangkap ertiinya.

Begitu jua biasa berlaku di kampung sebelum traktor digunakan untuk membajak sawah, kerbaulah digunakan sebagai penarik bajak selain daripada menggunakan cangkul atau rimbas (tajak).

Seperti kita maklumi kerbau tidaklah makan nasi, walaupun memang meragut daun-daun padi. Kita juga maklumi orang-orang kampung suka memelihara kucing. Ini disebabkan kucing bukan saja bersifat manja tetapi berguna untuk menghapuskan tikus-tikus di rumah.

Adalah menjadi kebiasaan kucing pula duduk di dapur dengan harapan mendapatkan makanan dari tuannya, malah kadangkala menyelongkar tudung saji mencuri makanan tuannya sendiri.

Keadaan ini sudah cukup memberi pengertian bagaimana kucing yang tidak pernah mengeluarkan tenaga untuk membajak sawah, tiba-tiba saja menikmati hasil padi dan nasi dari penat lelah sang kerbau yang bertungkus-lumus membajak sawah di bawah sinar matahari.



SIRI KE 46

Oleh:  
TAN SRI  
SAMAD  
IDRIS

# Pisau bengkok makan sarung

SEKIRANYA ada ayam jantan lain yang berkокok, terutama yang lebih muda darinya sudah pasti dia akan terjuri dari tempat berienggeknya dan melejang menunjukkan garangnya. Di sinilah selalunya berlaku perlagaan sekiranya ayam jantan yang seekor lagi melawan maka terjadilah perkelahian kerana ayam jantan yang muda ini telah merasakan dirinya sudah sampai masa baginya menguasai rebannya.

Dalam kita melihat gelagat ayam jantan ini ada lagi satu pepatah yang lebih kurang sama maksudnya yang diambil dari perlakuan binatang juga, iaitu kambing. Cuba amat-amati pepatah ini walaupun ia agak pendek tetapi kiasan dan sindirannya agak tepat menuju sasarananya, begini bunyinya:

*Ibarat kambing jantan berlaga*

*Masing-masing hendak naik ke busut jantan*

Telah menjadi tabiat haiwan jantan dari apa pun jenisnya bila sudah merasakan dirinya sudah besar dan agak gagah ia akan mencabar haiwan jantan yang lebih tua dan handal darinya. Dan menjadi tabiat kambing jantan pula kalau berlaga akan mencari tempat yang lebih tinggi dan biasanya busut jantan. Kalau yang seekor berjaya naik ke atas selalunya dialah yang menang.

Dalam dunia moden sekarang ini bolehlah diibaratkan busut jantan itu sebagai wang ringgit. Dari wang ringgit inilah dapat mempengaruhi orang ramai supaya dapat memberikan sokongan atau lain-lain maksud yang tertentu.

Dalam hal ini saya teringat satu ungkapan kata mengenai wang yang berbunyi:

*Wang, kau bukan Tuhan*

*Tetapi semua kehendak berlaku olehmu*

Begitulah halnya dengan kambing jantan tadi. Mereka akan berusaha hendak naik ke atas busut jantan kerana tandukannya bertambah kuat kalau ia berada di atas busut. Kerana itu biasanya kambing yang di bawah akan kalah. Tetapi sebelum ia menerima kekalahan ia akan berusaha pula untuk naik ke atas busut tersebut.

Begitulah sifat dan tabiat haiwan yang boleh kita iktibarkan juga dengan kerena-kerena insan di maya pada ini dan begitu jugalah pepatah ini diciptakan dari "alam terkembang menjadi guru"

Satu lagi pepatah yang berbunyi "pisau bengkok makan sarung" yang menggambarkan kecurangan dan keidakikhlasan seseorang bila diberikan amanah oleh orang ramai sama ada amanah itu berupa harta benda, wang ringgit atau menjadi ketua dalam satu-satu kelompok dan golongan ia telah mengkhianati dan memecah amanah yang telah dia manakan.

Semakin galak pisau itu dicabut dan disarungkan semula makin cepatlah sarungnya dimakan oleh pisau yang bengkok tadi.

Dalam saya mengingat dan menilai akan pepatah petith ini, saya sesungguhnya kagum akan kepintaran dan kecerdikan orang tua-tua dulu dalam menciptakan pepatah.

Kita tahu pada waktu itu bukan saja sekolah tinggi atau menengah malah sekolah rendah pun tidak wujud. Dapat dikatakan sebahagian yang amat besar jumlahnya adalah buta huruf.

Mereka hanya dapat membaca dan menulis tulisan jawi ketika agama Islam berkembang di negara ini dan sebelum itu belum ada tulisan yang benar-benar difahami oleh masyarakat Melayu walaupun kita mengetahui ada satu tulisan yang menyerupai tulisan Jawa kuno tetapi tidak diketahui dengan jelas sejauh mana orang dapat memahaminya.


# Bodoh tak boleh diajar

DISEBAKAN kambing di bawah busut itu tidak menggunakan akal untuk mencari helah, maka dia terus saja menantikan kepala dari sondolan kuat kambing di atas busut. Dari sikap kambing jantan berlaga ini dapatlah dikiaskan kepada perlakuan manusia yang sedang berusaha untuk mendapatkan kedudukan dan tempat tertentu dengan menggunakan berbagai cara dan helah termasuk asung fitnah, memburukkan lawan dan tentunya juga wang ringgit.

Bagi pepatah ketiga 'pisau bengkok makan sarung' adalah berdasarkan kepada perkakas orang - orang Melayu membuat pekerjaan. Orang tua - tua dulu mendirikan rumah berhampiran dengan hutan. Lorong atau jalan yang mereka lalui sudah tentulah dikelilingi oleh belukar.

Oleh itu parang dan pisau sentiasalah tersisip di pinggang, bukan saja bagi mempertahankan diri kalau terserempak binatang - binatang liar tetapi juga menebas anak - anak kayu yang menutupi lorong yang dilalui.

Dari sinilah mereka cetuskan pandangan betapa pisau yang bengkok matanya lambat laun tentu akan memakan sarungnya sendiri kalau dibandingkan dengan pisau bermata lurus. Kita sendiri boleh membayangkan bagaimana pisau bermata bengkok ini memusnahkan sarungnya setiap kali dicabut keluar untuk digunakan, kemudian dimasukkan semula ke da-



Oleh:  
TAN SRI  
SAMAD  
IDRIS

SIRI KE-48

Iam sarung selepas dipakai.

Ketiga - tiga pepatah ini dapatlah kita ambil tampil dan ibarat yang pada keseluruhannya tidak khali (ghalib) berlaku dalam pergolakan masyarakat terutama di saat kita menghirup udara kemodenan sekarang dengan pelbagai kerennah dan ragam manusia. Saya sedang menyiapkan beberapa siri buku mengenai pepatah petith ini dengan huraian yang agak lebih panjang, pembaca - pembaca yang berminat bolehlah membacanya sedikit hari lagi insya-Allah.

Arus pemodenan telah melahirkan ramai intelektual berpendidikan tinggi yang berbangga dengan statusnya sehingga berlaku dalam masyarakat kita wujudnya manusia:

Bodoh tak boleh diajar.

Cerdik tak boleh diikut.

Akibatnya masyarakat menjadi kacau apabila di kalangan pemimpin berlaku:

Seorang memanjat bendul.


Seorang memanjat tiang.

Dalam ertikata lain masyarakat seolah - olah diajak ke arah kehidupan yang berlandaskan:

Didahulukan menendang di kemudiankan menyepak.

Sejalan tak seiring selenggang tak sehayun.

Jadi, ke manakah arah sebenarnya masyarakat kita mahu dibawa oleh cendekiawan demikian?



Oleh:  
TAN SRI  
SAMAD  
IDRIS  
SIRI KE-49

# Soal tanah yang perlu dipelihara

DALAM Adat Perpatih, tanah pesaka merupakan harta terpenting yang perlu dipelihara bersama dalam sesuatu keluarga. Malah menjadi simbol perpaduan hingga dianggap terlepasnya 'hidup dan mati' seseorang. Tanah-tanah pesaka ini pada asalnya tidak milik individu tetapi adalah milik waris atau suku. Meskipun tiap seseorang itu ada haknya masing-masing yang ditentukan, tetapi ia tidak ada geran atau 'title' seperti keadaan sekarang. Ia tidak boleh dijual atau digadai melainkan sudah amat terpaksa. Kalau dijual pun mestilah kepada waris yang paling dekat dan mesti mendapat restu dari Datuk Lembaganya terlebih dahulu.

Tanah adat ini biasanya terdiri dari tanah kampung (tapak rumah tempat kediaman), dusun dan sawah. Manakala kebun getah tidak termasuk dalam lingkungan tanah adat ini disebabkan tanah demikian baru saja diperkenalkan di negera kita sejak penjajah menakluki negeri ini dalam akhir kurun ke-19.

Disebabkan tanah-tanah kampung, dusun dan sawah ini telah diteroka sejak awal-awal lagi selari dengan pemakaian sistem Adat Perpatih, maka tanah jenis demikian saja dikira sebagai 'tanah adat.' Atas sebab itulah juga tanah-tanah kebun getah tidak diwartakan sebagai tanah adat dalam Kanun Tanah di Negeri Sembilan.

Kecualilah jika tanah-tanah kampung itu telah ditanam dengan pokok-pokok getah. Ini berlaku disebabkan di peringkat awal dulu syarat-syarat penanaman pokok getah tidaklah begitu diambil kira, kerana peraturan tanah dalam Adat Perpatih tidak sama dengan undang-undang tanah yang dikuatkuasakan oleh Inggeris.

Apa pun jenis tanah, bagi pengaruh Adat Perpatih ditetapkan:

Tajam sudah calak pun ada  
Tinggal dibawa menyimpaikan  
Adat sudah syarak pun ada  
Tinggal di awak memiakaikan.

Menurut maklumat yang diberitahu oleh Encik Zainal Abidin Mohd. Said, Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan keluasan tanah pesaka adat Negeri Sembilan meliputi 34,550 ekar, 37 rod dan 85 pol atau 13,982.4 hektar. Jumlah bilangan hakmilik atau puan punya yang tercatat namanya dalam geran sebanyak 20,374 orang sahaja.

Daerah Kuala Pilah merupakan kawasan paling luas tanah adat ini, iaitu lebih kurang 18,000 ekar dengan tuan punya seramai 9,973 orang. Manakala Daerah Rembau pula kawasan kedua luas dengan 12,680 ekar di samping hakmilik seramai 8,587 orang.


Sementara Tampin dan Jempol pula masing-masing mempunyai bilangan hakmilik 992 dan 759 dengan keluasan sebanyak 2,972 dan 1,699 ekar. Bilangan hakmilik yang paling sedikit ialah Jelebu sebanyak 63 dengan keluasan 96 ekar, manakala Daerah Seremban tidak lagi mengamalkan sistem pembahagian pesaka menurut Adat Perpatih. Ia telah ditukar menurut faraid di zaman Datuk Kelana Maamur menjadi Undang dalam tahun tiga puluhan kerana itu Daerah Seremban tidak lagi dicatatkan sebagai tanah adat *Acus-tomy land*.

Bagaimanapun boleh dikatakan tanah-tanah pesaka adat ini terutama sawah padi, sekarang sudah banyak tidak diolah lagi. Sebahagian besar darinya kelihatan telah ditumbuhinya oleh belukar mensiang, menarung dan semak samun yang subur meliar. Janganlah diharapkan lagi sekiranya hendak menemui ketenangan balik kampung ingin melihat juntai-juntai padi yang menguning emas, sarang burung tempua bergayutan di batang-batang buluh di tepi sungai, haruk pikuk burung pipit dan budak-budak bermain layang-layang. Ia hanyalah kenangan manis dalam ingatan dan menggembirakan bersama warisan.

Di sini jelas menunjukkan bahawa orang-orang kampung sekarang tidak lagi berminal untuk bersawah seperti nenek moyang mereka dulu yang sering mengungkapkan:

*Berjagung-jagung dulu sementara padi masak.*

Memang nenek moyang bangsa Melayu menaruh harapan besar kepada sawah padi sebagai sumber utama peningkatan mereka, sesuai dengan keadaan semasa.



Oleh:  
TAN SRI  
SAMAD  
IDRIS

Siri 50

# Hendak melangkah kaki pendek

SEKARANG orang lebih suka membeli beras, yang lebih mudah dan murah daripada bermandi lumpur di bawah terik hangat matahari. Kemungkinan juga kebanyakan penduduk yang separuh umur dan mahir mengerjakan sawah sudah berpindah ke Rancangan Tanah FELDA, di samping anak-anak muda pula berhijrah ke bandar.

Perubahan sosial di kampung-kampung ini menyebabkan penghuninya tinggal orang tua-tua berumur lanjut dan anak-anak sekolah. Sudah tentulah golongan demikian tidak lagi berupaya mengerjakan tanah sawah kerana:

Hendak melangkah kaki pendek

Hendak mencapai tangan tak sampai,

Jika ditambah sebaris lagi:

Hendak berkejar lutut dari longgar.

Saya pernah bercakap dengan beberapa orang dari mereka mengenai masalah tanah sawah terbiasa ini kerana segala kemudahan yang ada sekarang boleh meningkatkan pendapatan dan tidak pula terlalu berat untuk mengerjakannya. Ia tidak perlu lagi menggunakan cangkul atau rimbas, disebabkan jentera pembajak boleh disewa dengan harga murah dan ada pula baja subsidi.

Tetapi mereka spontan menjawab, "Kami hanya tinggal berdua suami isteri, dan sudah tua, makan pun sebanyak mana. Apalah guna bersusah payah untuk mencangkul dan menanam padi, hidup pun bukan lama lagi".

Alasan yang mereka berikan memang wajar. Rata-rata orang kampung perbelanjaan harian mereka suami isteri memang mencukupi setakat \$100 sebulan. Kebanyakan mereka pula mempunyai anak-anak yang bekerja di bandar-bandar saban bulan mengirimkan wang perbelanjaan kepada ibu bapa di kampung.

Sebahagian mereka pula seperti kebiasaan penduduk kampung, memelihara ayam itik sebagai ternakan. Pendapatan hasil dari ternakan ini juga boleh menampung kehidupan mereka suami isteri sama ada hasil jualan ayam ma hu pun telurnya.

Begitupun nampaknya kerajaan tidak berdiam diri dalam meningkatkan pendapatan petani. Sawah bendang yang dulunya menghijau dan menguning dengan kesuburan padi, digalakkan dengan mempelbagaikan tanaman kontan. FEL CRA ditugaskan melaksanakan projek bagi membangunkan tanah terbiasa demikian.


Terdapat juga di beberapa tempat tanaman kelapa sawit dan koko diusahakan oleh agensi kerajaan ini. Sejauh mana kejayaan projek berkenaan masih terlalu awal untuk ditentukan sekarang. Bagaimanapun tidak ada pokok yang ditanam tidak berbuah, cuma banyak atau sedikit hasilnya sajalah.

Dalam hubungan ini saya teringat satu pepatah orang tua-tua dahulu yang menyebut:

Ada padi semua menjadi

Ada emas semua kemas.

Apakah pepatah ini sudah tidak sesuai lagi sekarang?



TUN SAMAD  
IDRIS

SIRI KE-51

## Dianjak layu dicabut mati

SAYA telah mengambil keputusan bahawa rencana Adat Perpatih ini akan saya tamatkan dalam siri ke-52 ini, iaitu setahun genap, meskipun saya banyak menerima pandangan dari bukan saja orang-orang Negeri Sembilan malah dari negeri-negeri lain yang berminat.

Sebenarnya apa yang saya tulis itu hanya tiru-firuan dan ikut-ikutan, dari apa yang saya dengar dari mulut ke mulut orang tua-tua dulu yang mengembalikan ingatan saya se-waktu hendak menulis. Ia tidak menurut susunan dari awalan hingga ke akhiran, malah ia amat jauh dari lengkap dan sempurna menurut apa yang saya hajatkan.

Begitupun bagi mereka yang berminat bolehlah menunggu terbitnya (beberapa siri) buku yang sedang kami susun sekarang. Sebuah jawatankuasa telahpun dibentuk di Negeri Sembilan yang direstui oleh Datuk Mohd. Isa Abdul Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan. Kami harap buku ini akan dapat menjelaskan banyak soalan yang masih menunggu jawapannya. Insya-Allah siri pertama kami harapkan akan dapat diterbitkan dalam tahun depan, 1990.

Satu perkara yang rasanya ada baiknya kalau saya ulangi di sini, terutama bagi mereka yang tidak berkesempatan menatapnya dari permulaannya, supaya dapat mengikutinya semula.

Perkara yang menjadi kontroversi yang timbul dari salah pengertian bagi setengah-setengah orang ialah mengenai dua pepatah yang sering diperkatakan, pertama:

*Biar mati anak, jangan mati adat*

*Dianjak layu dicabut mati*

Kedua:

*Rezeki secupak tak akan jadi segantang.*

Sebahagian orang mentafsirkan bahawa 'adat' itu adalah resam atau kebiasaan yang kita warisi sejak zaman berzaman yang dapat disimpulkan di sini dalam istilah yang disebut 'kesenian', padahal yang dikatakan 'adat' itu mengandungi empat kategori seperti yang akan saya sebutkan di bawah ini.

Begitu juga tentang rezeki yang dikatakan secupak tidak akan jadi segantang dianggap sudah lapuk dan tidak sesuai lagi dengan peredaran masa. Apakah ia benar demikian? Cuba bacauraian ringkas di bawah ini dan cuba buat penilaian sendiri.

Empat kategori yang dikatakan 'adat' itu adalah seperti berikut:

1. Adat yang sebenar adat
2. Adat yang teradat
3. Adat yang diadatkan
4. Adat istiadat

Adat yang sebenar adat itu menurut istilah sekarang ia-  
lah "undang-undang", sesiapa saja yang melanggar undang-  
undang ia mesti menerima hukuman setimpal dengan kesala-  
han yang dilakukannya.

Yang dikatakan 'biur mati anak' itu menggambarkan be-  
tapa kuatnya dan kukuhnya seseorang pemuka dan pem-  
egang teraju adat dalam melaksanakan hukum-hukum adat  
(undang-undang). Kalau dahulunya adat ini terbitnya dari  
'istana nan tinggi' dan 'balai dan panjang' tetapi sekarang  
ialah Parlimen dan Dewan Undangan Negeri setelah direstui  
oleh Istana.

Itu saja perbezaan yang ada dan kalau dahulu perintah  
itu disampaikan dari mulut ke mulut tetapi hari ini sudah  
diwartakan dan dirakamkan sebagai undang-undang yang  
bertulis yang menjadi panduan kepada mereka yang ber-  
tanggungjawab.

Begitu juga kategori yang kedua dan ketiga iaitu, adat  
dan resam yang menjadi kebiasaan bagi masyarakat kita  
mengamalkannya. Manakala yang selalu menjadi kekeliruan  
itu ialah kategori keempat di mana adat itu diseratakan dan  
tidak dikategorikan seperti yang dijelaskan di atas.

Mengenai dengan 'rezeki secupak tidak akan jadi segan-  
tang' pula, kita ini sebagai insan biasa, ada tiga perkara  
yang kita tidak mengetahui apa akan berlaku dan apa akan  
terjadi kepada diri dan masa depan kita sendiri.



## SIRI AKHIR

Oleh:  
TAN SRI  
SAMAD  
IDRIS

# Banyak udang banyak garam

1. Ajal dan maut
2. Jodoh pertemuan, dan
3. Rezeki

BILA dan di mana kita akan mati, berapa panjang umur kita tentunya tidak ada sesiapa yang tahu. Begitu juga jodoh pertemuan, kadiang-kadiang secara kebenaran tenus saja bertemu jodoh dan ada yang dirancang dengan baik tetapi tidak berlaku. Begitulah hal-hal yang sering terjadi kepada diri kita.

Kita manusia ini dikurniakan oleh Allah S.W.T. sesuatu yang tidak kedapatan kepada haiwan yang bermasya, agama Islam mengajar kita supaya bekerja bersungguh-sungguh menggunakan akal fikiran dan ikhtiar seperti sabdu junjungan kita: "Bekerjalah kamu untuk dunianu seolah-olah kamu akan hidup selama-lamanya dan beramallah untuk akhirat seolah-olah kamu akan mati esok hari".

Setelah kita berusaha bersungguh-sungguh dan mendapat rezeki sebanyak mana yang kita perolehi maka barulah lahir erti dan makna pepatah ini "rezeki secukup itu tidak akan jadi segantang kerana inilah ketentuan dari Allah yang kita tidak mengetahuinya".

la bertentangan sekali dengan sikap "menunggu bulan jatuh ke riba", "pipih datang melayang, bulat datang mengolek", kalau duduk berpeluk tubuh dan berpangku lutut mengharapkan sesuatu dari takdir maka ia adalah bertentangan sama sekali dengan pepatah itu. Saya harap dengan penjelasan ringkas ini akan hilanglah hendaknya kekeliruan yang ada.

Kita tidak dapat mengelakkan semua kejadian ini menimpa masyarakat kerana begitulah lumrahnya alam. Seperti disebutkan:

- banyak udang banyak garam  
- banyak orang banyak rancu

Manusia juga semakin ramai bülangannya dengan cerdik pandai yang bertambah tentulah keadaannya "rambut sama hitam, hati lain-lain".

Maka jadihal masyarakat dalam dunia ini seperti kita saksikan sekarang apabila ramai kalangan yang bersikap:

- Baru keluar kerabang sudah mahu terbang tinggi.

Hinggakan golongan tua dianggap sebagai "Quran buruk" atau "melukut di tepi gantang" saja menyebabkan mereka terpaksa menjadi "orang tua menahan rancu", dalam arus masyarakat moden ini.

Tidak halirnlah rancu kalau sedikit masing-lagi kita akan menyaksikan sesuatu yang pelik atau luar blasza serta tidak pemah tergambar di fikiran kita akan muncul di tengah-tengah kegelisahan masyarakat. Dalam masyarakat, lampau orang-orang tua kita selalu berpegang kuat kepada:

- biar mati tergadai matuo

- dari hidup tergadai nama  
dengan rangkuman kata-kata yang lebih bermakna lagi dengan sifat-sifat peribadi bangsa Melayu dengan ungkapan

"Biar mati berkalang tanah",

Dari hidup bercermin bangkit",

Kalau dulu-dulunya di zaman orang-orang Melayu suka bergaduh ia merupakan soal peribadi, salah sedikit akan ber-silang keris di dada, kerana itu setiap anak-anak muda tidak akan lekang keris di pinggang. Soal manuah dan malu adalah menjadi pegangan yang amat teguh. Bercermin bangkai yang dimaksudkan di sini ialah malu, "malu adalah maruah". Tetapi dalam dunia yang serba berkembang maju sekarang ini, ia tidak lagi merupakan soal peribadi tetapi sudah lebih luas skopnya yang meliputi soal bangsa dan negara. Bila orang-orang Melayu memeluk agama Islam, kekuatannya semakin teguh terhunjan dalam sanubari setiap orang yang kuat imannya bila sudah:

Sesak ikan ke belat

sesak belat ke tebing

akan lahirlah ungkapan

"mujur laju melintang patah".

Begitulah sifat-sifat orang Melayu pada keseluruhannya. Dalam adat perpatih memang menjadi pegangan yang kuat dan kukuh sebagai salah satu dari ajaran dari orang-orang tua kepada anak-anak dan anak buahnya.

Selain dari sifat-sifat tersebut dalam adat perpatih juga disajarkan supaya merendah diri, berteribut dengan orang tua-tua dan berbadu sopan bila beracak, berjalan, makan dan minum, duduk dan berdiri dan setiap gerak langkah kita ada tersusun dengan peraturan-peraturan yang amat indah dan cantik serta manis dipandang, dari sini timbulah pepatahnya:

"Ular menyusur akar

tidak akan hilang bisanya

Ayam jantai berkakok di batuah rumah

Tidak akan hilang tuahnya"

Dalam pada itu jika maruahnya tercabar, lahirlah pula pepatah ini:

- Sarang teburu jangan dijolok

Harimau tidak jangan diuncang (dibengunkan)

Banyakkanlah apa akan terjadi jika seseorang itu melaku-kannya.